**Sidang DUN** MS 3 & 4




**Kereta kabel Teluk Bahang - Bkt. Bendera** MS 5



**Bajet PBT 2016 - alu maklum balas** MS 24

PERCUMA

buletin Mutiara




www.buletinmutiara.com

16 – 31 MEI 2015

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Serap GST kurang beban rakyat, bukan 'populis'

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**




MOHD. Rashid Hasnon (lima dari kiri) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan plakad-plakad yang membawa mesej 'Tolak GST' dan pembebasan bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh yang juga bekas Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas berakhirnya Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga DUN Pulau Pinang Yang Ke-13 di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan menyerap Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST) bagi tahun ini, yang masing-masing dianggarkan sebanyak RM15,641,007 dan RM5,822,996.19.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, langkah tersebut serupa dengan amalan Kerajaan Negeri Johor dan Terengganu, serta bukanlah tindakan yang "populis" seperti yang dituduh Pengerusi Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang, Teng Chang Yeow.

"Pulau Pinang dan Johor akan menyerap GST bagi semua GST tiap-tiap tahun, manakala, Terengganu dalam tempoh tahun ini sahaja.

"Mengapa kita (Kerajaan Negeri) yang mahu mengurangkan beban (rakyat dengan menyerap kos GST ini) dikritik kononnya cuba mengambil tindakan populis, tetapi, mereka (Kerajaan Pusat) yang kenakan GST ke atas rakyat dikatakan sebagai hero.

"Saya rasa, Barisan Nasional bukan sahaja telah lupa daratan, tetapi telah hilang akal.

"Kalau tindakan (menyerap kos GST) di Pulau Pinang ini adalah populis, adakah beliau (Chang Yeow) akan turut mengkritik (Kerajaan Negeri) Terengganu dan Johor, yang juga mengambil tindakan populis seperti di negeri ini," responsnya kepada wartawan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon turut menyertai sidang media itu.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng turut menyanggah kenyataan Chang Yeow yang mendakwa perbelanjaan mengurus berkaitan gaji dan lain-lain elaun bagi tahun 2015 tidak dikenakan GST.

Katanya, anggaran perbelanjaan mengurus untuk gaji bagi tahun 2015 berjumlah RM104.19 juta, manakala, RM53.87 juta adalah untuk perbelanjaan mengurus yang lain-lain seperti elaun tetap, elaun lebih masa, imbuhan dan sumbangan berkanun.

"Memang gaji dan elaun tidak dikenakan GST, tetapi, belanja mengurus bukan sahaja gaji dan elaun, (sebaliknya), perbelanjaan mengurus pun ada perkara-perkara yang lain seperti bekalan.

"RM730 juta (RM729,168,905) adalah untuk perbelanjaan lain, di mana semuanya akan dikenakan GST.

"Jangan kata kita (Kerajaan Negeri) salah kira, kita (Kerajaan Negeri) kira ikut apa yang ditetapkan oleh Kastam," jelas Guan Eng yang juga ADUN Air Putih.

Tambah Guan Eng, pihaknya akan mengutus sekali lagi surat rasmi kepada Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan I, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya GST dikecualikan ke atas perkhidmatan dan perolehan bagi Kerajaan Negeri dan kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit.

# Iklim berubah, jimatkan air - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**



LIM Hock Seng (kiri sekali) dan Ir. Jaseni Maidinsa (dua dari kiri) bergambar kenangan dengan sekumpulan kanak-kanak dan maskot sempena sambutan Hari Air Sedunia 2015 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

**AIR ITAM** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, perubahan iklim serta pemanasan global belakangan ini sewajarnya mendorong pengguna air di Pulau Pinang supaya lebih berjimat cermat.

Justeru, beliau mengajak seluruh pengguna supaya mengurangkan lagi kegunaan air, demi memastikan sumber asasi itu terus mencukupi pada masa depan.

"Berbanding 10 tahun lepas, ia (iklim) kini lebih panas, berjerebu dan kering di Pulau Pinang pada masa-masa tertentu dalam setahun.

"Kita tidak boleh melawan iklim, maka kita perlu menyesuaikan diri dengan mengurangkan kegunaan air supaya kita senantiasa mempunyai sumber yang mencukupi untuk semua rakyat," ujarnya pada majlis sambutan Hari Air Sedunia 2015 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Lagipun, beliau memberitahu, kegunaan air secara berjimat-cermat membolehkan tiap-tiap pengguna menikmati tarif paling "mesra rakyat" atau terendah berbanding negeri-negeri lain, iaitu RM0.32 bagi setiap 1,000 liter untuk 35,000 liter pertama sebulan.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng berkata, Cadangan Skim Bekalan Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) yang dianggarkan menelan peruntukan RM2 bilion penting untuk Pulau Pinang mendapatkan sumber air mentah kedua daripada negeri Perak, selain sumber air mentah sedia ada Sungai Muda yang mengalir dari Kedah ke negeri ini.

Guan Eng memberitahu, sumber kedua itu sangat diperlukan untuk mendepani perubahan iklim sehingga tahun 2050 kelak, walaupun Pulau Pinang berjaya keluar daripada langkah catuan seperti di beberapa negeri pada krisis air lalu.

"Kerajaan Persekutuan dan (Kerajaan Negeri) Perak seakan membelakangi janji yang mereka buat sendiri untuk SPRWTS ini di mana Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) tidak mahu untuk menjadi orang tengah untuk berbincang antara Kerajaan Negeri Perak dan Pulau Pinang.

"Sebaliknya, KeTTHA telah meminta kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) pula untuk berunding secara langsung dengan Perak dalam SPRWTS ini," jelasnya yang merupakan Pengerusi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi), Lim Hock Seng, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Ir. Jaseni Maidinsa, dan wakil badan bukan kerajaan (NGO), *Water Watch Penang* turut hadir pada majlis keraian tersebut.

## Sumbangan RM3.0 juta diberi bukan oleh Klassik Tropika Development Sdn.

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri tidak pernah menerima sumbangan RM3.0 juta daripada Klassik Tropika Development Sdn. Bhd. dan Kerajaan Negeri tidak boleh mengakui sesuatu perkara yang sama sekali tidak benar.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Bahagian Belanjawan Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang, Hashimah Mohamed Hashim dalam kenyataannya di sini baru-baru ini.

Jelas beliau, sememangnya, sumbangan RM3.0 juta pernah diterima untuk tujuan warisan, tetapi ialah daripada Mah Sing Group Berhad yang diperakaunkan pada September 2011. Klassik Tropika Development Sdn. Bhd. adalah anak syarikat kepada Mah Sing Group Berhad.

"Sumbangan RM3.0 juta terlibat adalah atas nama Majlis Kebudayaan Negeri Pulau Pinang supaya mendapat pelepasan cukai pendapatan di bawah Seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

"Sumbangan terlibat masih dalam tabungan akaun Majlis Kebudayaan Negeri Pulau Pinang, yang mana Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait adalah selaku Pegawai Pengawalnya.

"Adalah diharapkan fakta diberikan akan menyelesaikan perkara ini yang tidak sepatutnya menimbulkan sebarang tuduhan tidak berasas yang cuba mencemarkan urusan pentadbiran Jabatan Kewangan Negeri yang telahpun dipuji setiap tahun atas prestasi cemerlangnya oleh Ketua Audit Negara," ujar Hashimah.

Beliau berkata demikian bagi mengulas dakwaan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang, Teng Chang Yeow yang menyatakan bahawa urus tadbir Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah "mati" kerana status sumbangan RM3.0 juta oleh Klassik Tropika Development Sdn. Bhd. kepada Tabung Warisan ekoran tidak wujudnya Tabung Warisan Negeri sepertimana jawapan kepada soalan bertulis dikemukakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong di persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) baru-baru ini.

Menurut Hashimah, Kerajaan Negeri tidak pernah menubuhkan Akaun Amanah Tabung Warisan Negeri, sebaliknya, terdapat Akaun Amanah Jawatankuasa Pusat Warisan yang telah ditubuhkan pada 2003 di bawah Seksyen 9 (1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] tetapi telah ditutup pada 2013 kerana akaun amanah terlibat tidak aktif dan tidak diperlukan lagi setelah wujudnya pentadbiran *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI).

"Semasa penutupan, akaun amanah tersebut berbaki RM351.04 yang telah dikreditkan ke Akaun Hasil Negeri, malah memandangkan tidak diwujudkan Tabung Warisan Negeri, maka tidak ada pembayaran sumbangan oleh mana-mana pihak seperti yang dinyatakan adalah juga tidak berbangkit," jelas beliau.

## '*Penang Sky Cab*' bukan ganti MRT Pusat – KM

**GEORGE TOWN** – Projek kereta kabel '*Penang Sky Cab*' yang menghubungkan bahagian pulau ke tanah besar Seberang Jaya sebenarnya adalah produk pelancongan masa depan Kerajaan Negeri dan bukanlah ganti pada janji politik Kerajaan Pusat menjelang pilihan raya umum lepas untuk membina transit laju massa (MRT), transit aliran ringan (LRT) atau monorel di negeri ini.

Justeru, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri tidak perlu mendapatkan kelulusan Kementerian Pengangkutan terlebih dahulu memandangkan sebenarnya adalah di bawah kategori produk pelancongan negeri.

"Selepas menunggu selama beberapa tahun (untuk Kerajaan Persekutuan mula membina MRT), kami (Kerajaan Negeri) akhirnya mengambil keputusan untuk membinanya *(Penang Sky Cab)* kita (Kerajaan Negeri) sendiri.

"Tentulah '*Penang Sky Cab*' ini tidak ada kaitan dengan pengangkutan awam kerana ia hanya akan mengangkat 10 penumpang bagi satu kereta (kabin), dan ini perlu supaya kita boleh mengatasi masalah kesukaran mendapatkan lesen sekiranya ia satu sistem pengangkutan.

"Kalau kita lihat, sistem ini akan dianggap sebagai satu produk pelancongan yang pada masa sama memainkan peranan sebagai satu alternatif bagi pengangkutan awam yang 'lembut'," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih pada majlis sambutan Hari Air Sedunia 2015 Peringkat Negeri di sini baru-baru ini.

Produk pelancongan '*Penang Sky Cab*' diumumkan pada April lepas oleh Guan Eng sendiri, selepas dicadangkan Penang Sentral Sdn. Bhd. (PSSB) dengan anggaran kos antara RM250 juta hingga RM300 juta dan dijangka siap pada tahun 2018.

PSSB adalah anak syarikat Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) yang ditubuhkan untuk membangunkan Sentral Pulau Pinang *(Penang Sentral)*, sebuah pembangunan yang mengintegrasikan pembangunan komersial bercampur dengan hab pengangkutan bersepadu yang terbesar di kawasan utara Malaysia.



*Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ke-13.*

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB** Gambar : **ALISSALA THIAN & SHUM JIAN-WEI**

# Pulau Jerejak: KM tunggu UDA tunai dua syarat dulu

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri tidak akan membuat sebarang pengesahan berhubung pembangunan masa depan projek Tropical Island Resort Sdn. Bhd. (TIR) di atas sebidang tanah dekat Pulau Jerejak sehinggalah syarikat persekutuan, UDA Holdings Berhad memenuhi dua syarat yang diputuskan secara bersama, sebelum ini.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, pihaknya sehingga kini masih menunggu maklum balas rasmi berhubung projek kontroversi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri era Barisan Nasional (BN) dahulu.

"Pertama, kita (Kerajaan Negeri hari ini) mesti mendapatkan nilai harga sebenar tanah yang dijual begitu murah daripada harga pasaran oleh kerajaan lama (era Barisan Nasional).

"Kedua, apa-apa pelaburan yang dibuat oleh PDC di bawah kerajaan lama (era Barisan Nasional), kita mesti dapat balik.

"Selagi tiada surat hitam putih daripada UDA, Kerajaan Negeri tidak akan membuat apa-apa pengesahan," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng turut menyertai sidang media di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Justeru, Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri hari ini melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) turut akan menuntut baki 90 peratus premium tanah berkenaan daripada UDA.

"Kerajaan hari ini tidak pernah menjual tanah walau seinci pun di pulau tersebut.

"Kerajaan lama (era BN) dahulu yang jual tanah tersebut di mana mereka (UDA) dibenarkan membayar 10 peratus sahaja, lepas itu pindah milik diuruskan.

"Ini, bercanggah dan melanggar undang-undang kerana kita kena bayar habis, baru boleh pindah milik tanah Kerajaan Negeri.

"Hanya di bawah Kerajaan Negeri hari ini, barulah kita boleh menuntut balik baki pembayaran premium tanah," ujar Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Sebelum itu, ADUN Pulau Betong, Sr. Muhamad Farid Saad pada sesi mesyuarat DUN membangkitkan ura-ura 10,000 unit rumah mewah lengkap dengan jambatan akan dibina oleh Kerajaan Negeri.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow menegaskan bahawa Kerajaan Negeri melalui PDC hanya menjual 49 kepentingannya dalam TIR yang membabitkan beberapa lot tanah di pulau tersebut.

"Kami tidak menjual seluruh pulau... hanya beberapa lot (sendiri oleh PDC dalam usahasama TIR).

"Bahagian-bahagian lain di pulau itu, yang merupakan sebahagian besar daripada pulau itu, akan masih dikekalkan sebagai hutan simpan," katanya.

Terdahulu, Kerajaan Negeri era BN telah meluluskan pajakan tanah seluas 80 ekar di Pulau Jerejak dengan nilai berbaki RM10.6 juta selama 60 tahun, iaitu mulai 15 Januari 2001 hingga 10 Oktober 2062.

Exco terbabit pada 3 Januari 2001 direkodkan membuat keputusan bahawa TIR diberikan geran hak milik sebaik sahaja ansuran pertama dilakukan, sungguhpun tidak menjelaskan sepenuhnya.

Langkah itu jelas bertentangan dengan Seksyen 180 Kanun Tanah Negara yang menyebut Pentadbir Tanah hanya boleh mengeluarkan geran apabila bayaran premium dijelaskan sepenuhnya.

Jumlah premium tanah pula direkodkan sebanyak RM12.95 juta, iaitu menyamai RM3.72 sekaki persegi bagi tanah berkeluasan 80 ekar dan kadar faedah yang dikenakan ialah 4 peratus setahun, dengan tempoh pembayaran balik selama 10 tahun mulai 2004 hingga 2013.

"Baki yang masih belum dijelaskan adalah sebanyak RM10.6 juta, termasuk faedah sebanyak RM1.81 juta.

"Kerajaan Negeri telah kehilangan tanah sungguhpun premium tanah belum dibayar balik," tegas Guan Eng baru-baru ini.

Guan Eng turut mengumumkan kehilangan kos pelaburan PDC berjumlah RM15.435 juta berdasarkan pegangan ekuiti 49 peratus, daripada keseluruhan modal berbayar TIR sebanyak RM31.5 juta.

Itu, tambahnya, tidak termasuk RM3.6 juta kehilangan pinjaman pemegang saham oleh PDC yang turut dituntut daripada TIR.

"Pada 28 Disember 2007, PDC telah memberi pinjaman pemegang saham sebanyak RM3.41 juta kepada TIR untuk menampung kos operasi syarikat.

"Keseluruhan jumlah tersebut sebanyak RM3.6 juta (iaitu) termasuk faedah sebanyak RM193,553 atas faedah 3.5 peratus setahun yang masih belum dijelaskan," jelas beliau menyanggah tuduhan pihak pembangkang yang kononnya Kerajaan Negeri hari ini mahu menggadai tanah di Pulau Jerejak.

Lensa



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika berjalan keluar dari bilik persidangan.



EXCO Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow (duduk) beramah mesra dengan ADUN Permatang Pasir yang juga Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man di ruang makan DUN.

# Tidak boleh bina rumah mewah atas tanah untuk tujuan awam – Exco

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri hari ini tidak akan meluluskan sebarang projek pemajuan rumah mewah yang dimohon oleh agensi Persekutuan seperti JKP Sdn. Bhd. (JKP) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), jika membabitkan tanah yang diambil atas tujuan awam.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata demikian sebagai menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang Pulau Pinang.

"Melalui pengakuan mereka (pembangkang Pulau Pinang) sendiri, sekali lagi didapati bahawa daripada 15 projek yang dikemukakan, 11 akan dibina di atas tanah yang diperoleh melalui pengambilan tanah untuk tujuan awam.

"Undang-undang memperuntukkan bahawa sekiranya tanah tersebut diperoleh melalui pengambilan balik, maka perumahan yang perlu dibina semestinya adalah perumahan awam, iaitu Kos Rendah (KR) dan Kos Sederhana Rendah (KSR)," tegasnya pada sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Yang Ke-13 di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Jahara yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Air Tawar menegaskan bahawa JKP dan PERDA sepatutnya dibenarkan membina rumah mewah demi menangguh subsidi-silang *(cross-subsidise)* memandangkan kedua-dua agensi persekutuan itu membina setiap unit KR berharga RM42,500, KSR (RM72,500 seunit) serta Rumah Mampu Milik (berharga RM200,000, RM300,000 dan RM400,000 seunit).

Jagdeep berkata, dalih subsidi silang itu adalah tidak dapat diterima kerana Rumah Mampu Milik (RMM) di bawah Projek Perumahan 1Malaysia (PR1MA) sehingga hari ini masih belum dibina di negeri ini, walaupun beberapa kali dijanjikan oleh Kerajaan Pusat.

"Melalui perumahan mampu milik PR1MA oleh Kerajaan Pusat sendiri, yang malangnya belum sampai ke Pulau Pinang... di mana kesemua perumahan yang dibinanya (oleh Kerajaan Pusat) adalah di antara RM100,000 dan RM400,000, serta tiada elemen subsidi silang.

"Ini (dalih Jahara) adalah justifikasi yang tidak boleh diterima kerana permohonan JKP dan PERDA tersebut dikatakan mereka sendiri untuk (pembinaan) rumah mampu milik, namun, setelah disemak melalui pengakuan mereka sendiri, didapati bahawa kebanyakan unit rumah yang ingin dibina (mereka) adalah jenis yang jauh melebihi (harga) siling Rumah Mampu Milik," tegas Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat.

Respons Jagdeep lagi, harga seunit rumah yang ingin dibina oleh agensi Persekutuan di atas tanah yang diambil untuk tujuan awam di bahagian pulau dan Seberang Perai masing-masing didapati mencecah sehingga RM1,850,000 dan RM800,000.

Sebaliknya beliau memberitahu, semua 22,512 rumah atau 787 KR, 7,874 KSR dan 13,851 yang akan dibina di negeri ini oleh Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinnag (PDC) dan kerjasama swasta adalah 100 peratus perumahan awam, dengan harga tiap-tiap unit mengikut harga siling yang ditetapkan oleh Kerajaan Pusat sendiri.

# Tebus guna '*middle bank*', masih tunggu maklum balas JAS & DEIA

**GEORGE TOWN** – Rancangan masa depan untuk projek tebus guna tanah laut seluas 607 hektar di Sungai Pinang yang dikenali sebagai "*middle bank*" masih belum diputuskan secara muktamad oleh Kerajaan Negeri, sungguhpun menggamit kebimbangan para pencinta alam di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri hanya mengadakan Surat Penyataan Hasrat (RFP) bagi mereka yang berminat dengan projek tersebut, selain masih menunggu maklum balas Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Laporan Penilaian Terperinci Terhadap Alam Sekitar (DEIA).

"Kami hanya adakan satu RFP di mana kami nak tengok sama ada ia boleh berjalan atau tidak.

"Kalau laporan (JAS dan DEIA) nyatakan tidak boleh jalan, maka, kami tak akan buat. Sekarang belum ada keputusan dibuat," jelasnya kepada wartawan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih menegaskan bahawa rancangan tambakan yang dianggap menjejaskan ekosistem laut itu sebenarnya diluluskan oleh Kerajaan Negeri era Barisan Nasional (BN), dahulu.

"Saya berasa terkejut bila BN (Barisan Nasional) tak mahu ambil tanggungjawab bahawa ini semua termasuk dalam rancangan struktur negeri Pulau Pinang yang diluluskan mereka pada 2007.

"Kami (Kerajaan Negeri hari ini) kena ikut rancangan struktur negeri, itu undang-undang. Tapi, kami pun tahu ia mesti berdasarkan kelulusan JAS dan DEIA.

"(Justeru), jangan cakap kami luluskan bila masih di peringkat penilaian," tegas Guan Eng sebagai menjawab beberapa persoalan berbangkit daripada ADUN Pembangkang Pulau Pinang.

Terdahulu, beberapa wakil rakyat BN pada sesi perbahasan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Yang Ke-13 menggesa Kerajaan Negeri supaya melihat semula rancangan tebus guna tanah tersebut, yang dikatakan bakal memusnahkan kawasan penangkapan ikan.

ADUN Teluk Bahang, Datuk Shah Headan Ayoob Hussain Shah mendakwa projek tebus guna tanah tersebut dikatakan demi memberi laluan pada Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang itu dijangka akan turut memusnahkan tapak pembiakan di kawasan pantai.

Ditanya berapa lama peringkat penilaian itu akan berlangsung, Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri hari ini sendiri masih menunggu maklum balas JAS serta DEIA, sebelum membuat pertimbangan selanjutnya berhubung projek yang diluluskan sejak sebelum tahun 2008 itu.

*Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ke-13.*

# Pelancong ke P. Pinang ketiga tertinggi, naik 38.57 peratus

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD, ALISSALA THIAN & SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang menjelaskan bahawa Pulau Pinang unggul sebagai destinasi pelancongan pilihan ketiga negara dengan jumlah pengunjung seramai 4.89 juta dalam tempoh Januari hingga September 2014, di belakang Kuala Lumpur (11.68 juta orang) dan Pahang (7.81 juta orang).

"Peningkatan (jumlah pelancong ke Pulau Pinang bagi tahun 2014) meningkat sebanyak 38.57 peratus, jika dibandingkan dengan tempoh (sama) Januari hingga September 2013, di mana jumlah pelancong adalah 3.52 juta," jelasnya pada sesi penggulungan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini sambil memetik laporan rasmi terbaru *Tourism Malaysia*.

Heng Kiang yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lanchang turut menjelaskan bahawa statistik pelancong ke Pulau Pinang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) bagi tahun 2014 turut meningkat sebanyak 10.06 peratus menjadi 6.04 juta pengunjung, berbanding 5.49 juta orang yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Memetik statistik *Penang Health Association* (PHA) pula, beliau memberitahu, jumlah pendapatan sektor pelancongan perubatan bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM419 juta dengan kenaikan 13.01 peratus, berbanding tahun sebelumnya dengan jumlah pendapatan RM371 juta.

Tambahnya, Kerajaan Negeri sedang giat menembusi pasaran pelancong beberapa negara seperti Myanmar, Hong Kong, Australia serta bandar Bandung, Palembang dan Batam dekat Indonesia.

Sebelum itu, Heng Kiang turut memberi penjelasan pada soalan yang dibangkitkan ADUN Tanjung Bungah, Teh Yee Cheu yang menyebut bahawa statistik kemasukan pelancong ke negeri ini pada tahun 2013 mencatatkan kemorosotan sebanyak 22.8 peratus, berbanding tahun 2012.

"Saya ingin menjelaskan sebenarnya (kemerosotan) ini berlaku kerana *Tourism Malaysia* telah menukar sistem pengiraan dan kajian statistik yang baru.

"Pegawai *Tourism Malaysia* dari Pusat sendiri datang ke sini (Pulau Pinang) untuk menjelaskan statistik itu kepada saya bahawa ini adalah konsep pengiraan yang baru dan memang menjejaskan semua negeri-negeri di seluruh Malaysia," jelas beliau.

Terdahulu, Heng Kiang mensasarkan 6.18 juta pelancong ke negeri ini pada tahun 2014 berdasarkan kunjungan 6.09 juta orang pada tahun sebelumnya.

## RM1 juta bina rumah luar bandar

**GEORGE TOWN –** Sebanyak 24 rumah membabitkan golongan terpilih di kawasan luar bandar akan dibina pada tahun ini dengan peruntukan hampir RM1 juta (RM960,000), berbanding sejumlah RM467,000 yang telahpun dibelanjakan untuk pembinaan 14 rumah pada tahun lepas.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu, Kerajaan Negeri dalam projek pembangunan luar bandar berwajib telahpun memperkenalkan kadar baru bagi membina sebuah rumah, daripada RM35,000 kepada RM40,000, memandangkan kos pemajuan semasa kian meningkat.

"Kerajaan Negeri prihatin dan komited di dalam memastikan pembangunan desa yang lestari dan membantu menambahbaik taraf kehidupan penduduk desa," ujarnya pada sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Yang Ke-13 di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya berkenaan memberitahu, sebanyak RM1,575,550 telahpun dibelanjakan pada tahun lalu untuk membaik pulih 155 buah rumah terpilih.

Itu, jelasnya, tidak termasuk perbelanjaan RM709,000 untuk projek baikpulih 54 buah rumah terpilih sejak bulan Januari hingga April lepas, dengan peruntukan baikpulih sebuah rumah dinaikkan daripada RM11,000 kepada RM15,000.

Selain itu, Afif turut mendedahkan bahawa Kerajaan Negeri sehingga bulan April tahun ini turut membelanjakan peruntukan sebanyak RM127,629.77 untuk pembekalan bantuan peralatan usahawan luar bandar.

"MMK Pembangunan Desa juga sedang rangka penyediaan Dasar Pembangunan Desa 2016-2018 agar suatu direktif lebih tersusun dan lebih berstrategi dirangka bagi membantu meningkatkan sosio-ekonomi penduduk luar bandar," jelas beliau sebagai menjawab beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh ADUN Pembangkang Pulau Pinang.

## Perincikan RM2.88 bilion untuk kaum India - Ramasamy

**GEORGE TOWN –** Putrajaya digesa menjelaskan secara terperinci mengenai perbelanjaan dana awam persekutuan kira-kira RM2.88 bilion yang kononnya untuk pembangunan komuniti India di negara ini.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata, beliau sendiri secara peribadi menganggap tiada langsung tanda-tanda kononnya pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telahpun membelanjakan dana awam tersebut dalam tempoh tahun 2002 hingga tahun lepas.

"Ketua Setiausaha Perbendaharaan di Kementerian Kewangan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah dilaporkan berkata bahawa jumlah ini (RM2.88 bilion) diperuntukan kepada masyarakat India, dan selain RM260 juta yang diperuntukan tahun ini.

"Kami (Kerajaan Negeri) mahu tahu apakah yang berlaku dengan dana (awam persekutuan ini), adakah ia telah pergi kepada MIC atau kepada mana-mana pertubuhan India.

"Mengapa kita tidak tahu," katanya pada sidang media di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, Najib selaku Menteri Kewangan I perlu memberi respons yang lebih telus serta terperinci sekiranya peruntukan lebih RM2.88 bilion tersebut benar-benar untuk tujuan pembangunan komuniti Tamil seperti sekolah Tamil, usahawan, pertubuhan belia, wanita dan sebagainya.

"Sila kemukakan secara terperinci, jika benar perbelanjaan ini berlaku, kami pun nak berterima kasih kepada Kerajaan Pusat," tegas Ramasamy yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai.

Dalam perkembangan berkaitan, ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer semasa mencelah sesi penggulungan Ramasamy melahirkan kebimbangan sekiranya dana tersebut digunakan secara salah oleh parti-parti kaum India tertentu dalam komponen Barisan Nasional.

Terdahulu, akhbar tempatan berbahasa Tamil, Malaysia Nanban antara lain melaporkan mengenai kenyataan Mohd. Irwan berhubung peruntukan dana awam Putrajaya kepada komuniti India di negara ini.

## Lensa



**PENGERUSI Lajnah Ekonomi PAS Pulau Pinang, Zolkifly Md. Lazim (kiri sekali) menyerahkan memorandum kepada Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (dua dari kiri) sambil disaksikan dua Exco Kerajaan Negeri berhubung cadangan mengemukakan usul tergempar mengenai isu Tabung Haji di DUN Pulau Pinang.**



**SETIAUSAHA Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus (tengah) mengadakan perbincangan dengan dua pegawai Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP).**



**ADUN Tanjung Bunga, Teh Yee Cheu menunjukkan salah satu spesis 'kuda laut' yang ditemui di perairan negeri Pulau Pinang.**



**KAKITANGAN-kakitangan PSUKPP ketika mengikuti sesi perbahasan persidangan DUN.**

# Nazri sokong permohonan kereta kabel P. Pinang

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **CHAN LILIAN**

**BUKIT BENDERA** – Kerajaan Negeri sedia bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dalam membangunkan sektor pelancongan di negeri ini ke satu tahap yang lebih tinggi.

Perkara tersebut dinyatakan sendiri oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika berucap pada Majlis Penyempurnaan Fasa Dua Pembangunan Bukit Bendera yang turut dihadiri Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz di sini baru-baru ini.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang sudi bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan dan akan sentiasa menyokong antara satu sama lain terutamanya dengan Datuk Seri (Mohamed Nazri) untuk membangunkan sektor pelancongan sekaligus memacu ekonomi negeri ini.

"Hal ini dapat dilihat apabila jumlah kemasukan pelancong ke Pulau Pinang bertambah saban tahun dan kita (Kerajaan Negeri) menjangkakan kemasukan 1.45 juta pelancong tahun ini.

"Jalinan kerjasama ini merangkumi penambahbaikan beberapa kemudahan infrastruktur dan kualiti perkhidmatan pelancongan di negeri ini termasuk projek pembangunan Bukit Bendera," ucap beliau.

Dianggarkan sejumlah RM9.05 juta diperuntukan bagi kerja-kerja pembangunan di Bukit Bendera termasuk pembinaan tiga tingkat geladak tinjau (*viewing deck*) baharu *'The Skywalk'* berserta lif, kerja-kerja penstabilan cerun, menaiktaraf laluan pejalan kaki, mewujudkan sebuah taman dan ubahsuai banglo di Bukit Bendera.

Tambah Guan Eng, Kerajaan Negeri juga telah membuat permohonan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) bagi kerja-kerja membina kereta kabel dari Teluk Bahang ke Bukit Bendera yang dianggarkan menelan belanja antara RM200 juta hingga RM250 juta.



**KETUA Menteri berjabat tangan dengan Mohamed Nazri Abdul Aziz (kiri sekali) sambil menyerahkan cenderamata penghargaan pada Majlis Penyempurnaan Fasa Dua Pembangunan Bukit Bendera di sini baru-baru ini.**

"Kereta kabel ini bukan sahaja satu bentuk tarikan pelancongan, tetapi juga merupakan mod pengangkutan alternatif ke Teluk Bahang (dari Bukit Bendera), tanpa perlu menempuh kesesakan jalanraya," katanya yang juga Pengerusi Perbadanan Bukit Bendera (PHC).

Dalam pada itu, Mohamed Nazri dalam ucapannya menyokong permohonan berhubung peruntukan projek berkaitan.



**PEMANDANGAN indah ketika menaiki keretapi furnikular Bukit Bendera.**

# Lebih mudah berjaya jika mohon rumah mampu milik - Exco

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** – Seorang Melayu dan 32 Cina berkenaan sebenarnya adalah mereka yang berjaya mendapat surat tawaran daripada Kerajaan Negeri sahaja, untuk membeli rumah mampu milik berharga tidak melebihi RM300,000 di Projek i-Condo @ One Foresta dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bayan Lepas.



**JAGDEEP Singh Deo.**

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menjelaskan bahawa Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri setakat kini baru menerima dan memproses 238 permohonan sahaja, sungguhpun bilangan rumah mampu milik berharga RM300,000 dalam projek tersebut keseluruhannya berjumlah 2,685 unit.

"Kelulusan permohonan dilakukan secara berkala dan 33 ini, adalah senarai penerima pertama yang diluluskan oleh Jawatankuasa (Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan, SPEC).

"Masih ada banyak lagi unit untuk ditawarkan kepada semua kaum, (maka) saya sarankan Bumiputera yang layak supaya mohon sekarang (rumah mampu milik) kerana senarai menunggunya tidaklah sepanjang permohonan untuk rumah kos rendah dan kos sederhana rendah," jelas Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat di sini baru-baru ini.

Penjelasan itu sekaligus menyanggah dakwaan pembangkang Pulau Pinang kononnya Kerajaan Negeri hari ini cuba menafikan hak Melayu dan Bumiputera untuk menikmati kuota 30 peratus unit rumah dalam projek tersebut.

"Soal mengambil pihak mana-mana kaum langsung tak timbul, dan adalah suatu fitnah yang besar.

"Sekiranya mereka memohon dan layak, maka unit rumah akan ditawarkan di dalam projek-projek perumahan yang lain.

"Selain daripada unit perumahan berharga RM300,000 ini, ada juga jenis harga yang lain, termasuk (Rumah) Kos Rendah (RM42,500 seunit) dan Kos Sederhana Rendah (RM72,500 unit) untuk dimohon oleh semua kaum, termasuk Bumiputera," jelas Jagdeep.

Tambahnya, kuota Rumah Kos Rendah (RKR) untuk Bumiputera adalah sebanyak 50 peratus, manakala Cina dan India masing-masing diberi 35 peratus dan 15 peratus.

Bagi Rumah Kos Sederhana Rendah (RKSR) pula, katanya, kuota agihan untuk Bumiputera adalah sebanyak 30 peratus, manakala, Cina dan India masing-masing diberi 55 peratus dan 15 peratus.

"Rumah Mampu Milik (RMM) (berharga RM200,000, RM300,000 dan RM400,000) ini adalah kategori yang baru di Pulau Pinang, kita (Kerajaan Negeri) ikut kuota seperti Rumah Kos Sederhana Rendah," jelas beliau.

Terdahulu, kontroversi isu berkaitan timbul susulan tersebarnya gambar surat pekeliling Kerajaan Negeri yang menyebut seorang Melayu sahaja ditawarkan rumah mampu milik berharga tidak melebihi RM300,000 di projek i-Condo @ One Foresta, sedangkan baki 32 penerima lain adalah berbangsa Cina.

# Penyerahan operasi feri, PPC harus tulis secara rasmi - KM

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan pendirian Kerajaan Negeri berhubung cadangan Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPC), Tan Sri Dr. Chua Soi Lek atas kesediaan PPC untuk menyerahkan perkhidmatan feri kepada Kerajaan Negeri termasuk menyerap 236 pekerja dan krew feri mengikut terma perkhidmatan semasa.

"Sepatutnya, mereka harus menulis secara rasmi berhubung cadangan untuk mengambil alih perkhidmatan feri dan kita (Kerajaan Negeri) akan meneliti cadangan tersebut.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak akan membayar untuk kegagalan masa lalu PPC atau membiayai bil 'salah urus' pihak pengurusan PPC sebelum ini," katanya pada satu sidang media di Jalan Raja Uda, Butterworth di sini baru-baru ini.

Menyentuh mengenai penyerapan pekerja dan krew feri, Guan Eng melahirkan kebimbangan dan menegaskan bahawa Kerajaan Negeri tidak mahu menanggung kos yang tinggi semata-mata untuk membayar faedah yang banyak kerana pemberhentian pekerja.

"Kita perlu meneliti cadangan tersebut dan meminta PPC untuk menulis secara rasmi kepada Kerajaan Negeri berhubung penyerahan operasi feri," tegas beliau.

# Projek tebatan banjir berimpak tinggi SPT RM54 juta

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PENANTI** – Kerajaan Negeri akan menyalurkan peruntukan sebanyak RM54 juta secara berperingkat mulai tahun ini untuk melaksanakan empat projek tebatan banjir berskala besar di sekitar Daerah Seberang Perai Tengah.

Exco Kerajaan Tempatan, Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, inisiatif bersepadu membabitkan Jabatan Pengairan & Saliran (JPS), Pejabat Daerah & Tanah (PDT) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) itu diharap dapat mengurangkan lagi risiko banjir kilat di beberapa kawasan tumpuan bencana pada masa depan.

"Inilah projek berskala lebih besar yang akan dilaksanakan di Daerah SPT pada tahun ini untuk tempoh dua hingga tiga tahun, di mana peruntukan RM54 juta diperlukan bagi melaksanakan empat projek berimpak tinggi ini.

"Bagi tahun 2015, untuk kajian dan reka bentuk pemajuan, mungkin yang diperlukan adalah tidak banyak (peruntukan), tetapi, pada tahun 2016 dan 2017 adalah membabitkan kerja-kerja pemajuan mula dilaksanakan sampai siap.

"Kita (Kerajaan Negeri) rasa, selepas siap keempat-empat projek ini, ia akan membawa impaknya lebih luas dengan mengurangkan risiko banjir," jelas beliau kepada wartawan di Pejabat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin di sini baru-baru ini.

ADUN Machang Bubuk, Lee Khai Loon turut hadir pada majlis penerangan mengenai rancangan pembangunan masa depan projek tebatan banjir peringkat SPT yang dikendalikan oleh wakil JPS.

Dalam perkembangan sama, Kon Yeow memberitahu, Kerajaan Negeri pada tahun ini menyalurkan peruntukan sebanyak RM875,000 kepada JPS untuk melaksanakan tujuh projek berskala kecil dan sederhana di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penanti.

Difahamkan, peruntukan itu untuk pembangunan rumah pam, pembinaan perangkap sampah, longkah konkrit jenis *"u-drain"* dan *"v-section"* serta tembok *"gobion"* di beberapa lokasi sekitar Kubang Semang, Kubang Ulu, Mengkuang Semarak, Tanah Liat, Mengkuang Titi dan sebagainya.



**CHOW Kon Yeow (kanan sekali) dan Dr. Norlela Ariffin (dua dari kanan) bersama-sama pemimpin komuniti setempat melawat salah satu projek pembinaan parit di Kampung Tanah Liat di sini baru-baru ini.**

PDT pula, tambah beliau, turut diberikan peruntukan sebanyak RM477,000 untuk melaksanakan 10 projek pemajuan serupa di KADUN tersebut.

"Keseluruhan anggaran kos projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri dengan dilaksanakan oleh JPS SPT dan PDT SPT adalah sebanyak RM1,352.000," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

## Kerajaan Negeri hormati Sabah & Sarawak - KM

Gambar : **CHAN LILIAN**

**PADANG KOTA** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri di luar Sabah dan Sarawak yang meraikan Hari Gawai dan Pesta Kaamatan.

"Kami (Kerajaan Negeri) mahu meraikan perayaan 'Malaysia Timur' sepertimana kita menyambut perayaan-perayaan lain di Pulau Pinang dan kami (Kerajaan Negeri) mahu mereka yang jauh dari kampung (berasal dari Sarawak dan Sabah) untuk berasa seperti di rumah sendiri di sini.

"Ini kerana, kita (Kerajaan Negeri) menghormati Sabah dan Sarawak, kerana tanpa kedua-dua negeri, pembentukan Malaysia tidak akan berjaya," ucapnya pada sambutan Pesta Gawai dan Kaamatan 2015 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Selesai menyampaikan ucapan, Guan Eng menyempurnakan gimik majlis berkaitan dengan memalu gong Sabah sebanyak tiga kali, menyumpit belon dan menari tarian tradisional magunatip.

Pesta Kaamatan disambut di Sabah pada 30 dan 31 Mei setiap tahun oleh masyarakat Kadazan-Dusun, Murut, Rungus dan Lun-dayeh.

Manakala, Hari Gawai disambut di Sarawak pada 1 dan 2 Jun oleh kaum Iban, Bidayuh dan Orang Ulu masyarakat.

Diadakan untuk tahun kedua berturut-turut, acara tersebut telah menarik lebih 1,000 pengunjung yang terdiri daripada pelbagai keturunan dan agama. Selain pelbagai persembahan tarian tradisional, acara yang paling menarik perhatian adalah pertandingan ratu cantik.

Hadir sama, Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik selaku pengerusi jawatankuasa penganjur.



**SALAH seorang peserta pertandingan ratu cantik sempena penganjuran sambutan Pesta Gawai dan Kaamatan 2015 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**



**SEBAHAGIAN pengunjung yang memeriahkan sambutan berkenaan.**

## Jeti nelayan Kg. Terus jangka siap Ramadan



**DR. Afif Bahardin (berbaju hijau) melepaskan benih anak-anak udang pada Majlis Pecah Tanah Pembinaan Jeti Nelayan Kampung Terus di sini baru-baru ini.**

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PENANTI** – Golongan nelayan Kampung Terus kini mampu menarik nafas lega apabila sebuah jeti bagi pontun (parkir) bot bakal didirikan di lokasi berkaitan dan dijangka siap menjelang Ramadan ini.

Jeti tersebut menurut Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin mampu menampung kira-kira 30 bot.

"Jeti ini bakal menyediakan pontun bot untuk kemudahan nelayan-nelayan di sini selain memudahkan golongan berkaitan turun ke bot masing-masing dengan lebih selesa dan selamat berbanding kini.

"Projek ini sebenarnya diilhamkan mantan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti (kini Ahli Parlimen Nibong Tebal), Dato' Mansor Othman sebelum kita (Kerajaan Negeri) berbincang bersama-sama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Jabatan Kewangan Negeri," ujarnya ketika Majlis Pecah Tanah Pembinaan Jeti Nelayan Kampung Terus, Seberang Perai Tengah (SPT) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Mansor dan Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Amir Ghazali.

Pada majlis tersebut, Afif yang juga ADUN Seberang Jaya melepaskan benih anak-anak udang di sungai berkaitan.

Dalam pada itu, Mansor memberitahu bahawa idea dikemukakannya sebelum ini tidak hanya terhad kepada jeti nelayan semata-mata, sebaliknya juga untuk kepentingan sektor pelancongan.

"Bila adanya jeti di sini, saya lihat Kampung Terus boleh menyediakan perkhidmatan bot siar menyusuri Sungai Perai bagi menikmati keindahan sekeliling," ucap beliau.



**KEADAAN jeti kini.**

# Masjid Melayu Lebuh Acheh bakal dinaiktaraf


MOHAMED Nazri Abdul Aziz (enam dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dengan berlatarbelakangkan bangunan Masjid Melayu Lebuh Acheh sempena sambutan ulang tahunnya ke-207 di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** – Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, pihaknya sedia menjadikan Masjid Melayu Lebuh Acheh di sini sebagai salah satu bangunan warisan negara.

Namun, sebelum itu, beliau memohon Kerajaan Negeri terlebih dahulu mengisytiharkan masjid berkaitan sebagai ikon warisan negeri dengan membaiki struktur yang perlu dengan pengekalan ciri-ciri asal.

"Kita akan memastikan bangunan Masjid Melayu Lebuh Acheh terus dipelihara bagi mengembalikan 'kemeriahan' masjid ini yang penuh dengan sejarah, pusat penyebaran ilmu, transit jemaah haji dan penerbitan kitab agama.

"Namun, sebelum itu, saya pohon Kerajaan Negeri terlebih dahulu menaikkan taraf masjid ini sebagai ikon warisan negeri. Saya juga ingin melihat struktur masjid ini dibaiki agar ianya kembali kepada bentuk asal seperti sesetengah bahagian mungkin boleh dikekalkan dengan atap nipah.

"Serentak itu, segala kos penambahbaikan serta naiktaraf rumah warisan di sekeliling masjid berusia 207 tahun ini bakal ditanggung pihak kementerian saya," ujarnya pada Majlis Perasmian Festival 207 Sambutan Ulang Tahun Ke-207 Masjid Melayu Lebuh Acheh di sini baru-baru ini.


AKTIVITI mencanting batik yang turut diadakan sempena sambutan berkaitan.

Turut hadir, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng dan ADUN Permatang Pasir yang juga Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man, Pengerusi Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) merangkap Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman, Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik dan pengerusi penganjur, Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa.


BANGUNAN Masjid Melayu Lebuh Acheh.

Menurut Mohamed Nazri, beliau berhasrat melihat keindahan Masjid Melayu Lebuh Acheh tersebut setanding dengan Masjid Kapitan Keling yang terletak berdekatan.

"Melalui inisiatif ini juga, para pelancong berpeluang melihat keunikan serta daya tarikan khazanah milik masyarakat Islam di Pulau Pinang khususnya masjid yang melebihi 200 tahun ini," ujar beliau.

Dalam pada itu, Guan Eng menyatakan bahawa adalah penting Masjid Lebuh Acheh terus dipelihara bagi menjamin warisan Islam berkaitan kekal sebagai 'warisan hidup'.

"Apabila menyentuh tentang warisan, tidak semestinya hanya bergantung kepada barang-barang purba dan antik untuk pameran sahaja.

"Masjid ini berkedudukan strategik di zon teras Tapak Warisan Dunia UNESCO dan menyaksikan pelbagai rumah ibadat lain dibina berhampiran tanpa perasaan prejudis, sebaliknya mengamalkan toleransi.

"Ini secara tidak langsung membuktikan bahawa masyarakat majmuk di Pulau Pinang sudah berkembang sejak berabad lamanya sehingga kini," ucap beliau.

Tambah Guan Eng, dengan adanya sejarah hebat seperti Masjid Melayu Lebuh Acheh, ianya mampu menarik lebih ramai pelancong dari Timur Tengah khususnya.

Masjid Melayu Lebuh Acheh dibina oleh kerabat diraja Acheh, Tengku Syed Hussain Al- Aidid pada tahun 1792 dan siap, 1808.

Makam Tengku Syed Hussain serta waris-waris keluarga terdekat turut disemadikan di perkarangan masjid berkenaan.



# Mangsa bencana ribut Penaga dapat perhatian TKMI

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PENAGA –** Kira-kira 81 rumah di Kampung 20 Pasir Gebu serta beberapa desa lain di sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penaga di sini yang mengalami kerosakan akibat ribut dalam satu kejadian baru-baru ini mendapat perhatian Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon sendiri.

Pada pertemuan itu, beliau turut menyerahkan sumbangan peribadi kepada 10 keluarga terpilih, sementara menunggu bantuan berwajib daripada Tabung Bencana T.Y.T. di bawah Kerajaan Negeri.

"Ini adalah sumbangan peribadi saya kepada 10 keluarga terpilih dahulu, sementara menunggu bantuan segera yang mesti disalurkan dalam tempoh 24 jam.

"Dari Tabung T.Y.T, maksima yang boleh dituntut adalah sebanyak RM5,000 dan ia bergantung pada (proses) taksiran (kerugian bencana)," jelasnya yang merupakan Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat, semasa melawat kawasan bencana pada hari kejadian.



KEADAAN salah sebuah rumah yang mana bumbungnya diterbangkan dalam kejadian berkaitan.

Ketua Penolong Pegawai Daerah Seberang Perai Utara, Hakmal Effendi Ishak, Penghulu, Alias Mid, Pegawai Penyelas KADUN Penaga, Ridwan Osman dan Pengerusi Badan Bukan Kerajaan (NGO) Penaga Care, Zolkifly Md. Lazim turut menyertai lawatan kerja tersebut.

Hakmal Effendi yang ditemui kemudian memberitahu bahawa pihaknya turut memobilisasi kakitangan berwajib daripada pejabat-pejabat daerah lain demi memastikan proses menyalurkan bantuan berwajib lancar.



MOHD. Rashid Hasnon (kanan sekali) menyampaikan sumbangan peribadi kepada salah seorang warga emas yang menjadi mangsa kejadian ribut di sini baru-baru ini.

"Sejak jam 1 pagi tadi (22 April lepas), pasukan saya telah turun dan buat penilaian (taksiran kerosakan) pada 47 buah rumah dahulu kerana bantuan mesti disampaikan dalam tempoh 24 jam.

"Kalau tengok keadaan kerosakan satu-satu rumah agak berbeza walaupun semua rumah sepanjang (laluan) angin ribut ini mengalami kerosakan.

"Selepas kejadian itu, saya sendiri mendapatkan maklum balas daripada JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) bahawa keadaan taburan hujan luar biasa di sini," jelas beliau kepada wartawan.

Mangsa, Normah Abu Bakar, 50, memberitahu bahawa hujan ribut yang bersilih ganti melanda kawasan kejadian sekitar jam 9.30 malam hari sebelumnya lagi.

"Apabila saya sedar, hujan ribut sampai menggoncang bumbung rumah saya, saya pun lari membawa dua cucu berlindung di rumah jiran, kerana rumah mereka tak kena.

"Habis semua bumbung dari depan rumah sehingga ke dapur 'tiada' (musnah dipukul hujan ribut)," jelas mangsa.

# Ternak ayam piru jika punyai tanah mencukupi - Exco



DR. Afif Bahardin (tiga dari kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada Farizal Hamidon (empat dari kiri) sempena sesi lawatan ke ladang baka ayam piru Teroka Jaya Enterprise di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **CHAN LILIAN**

**PULAU BETONG –** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyeru rakyat Pulau Pinang yang mempunyai tanah mencukupi agar menceburkan diri dalam bidang penternakan ayam piru.

Menurut beliau, harga sekilogram daging ayam piru kini mampu mencecah sehingga RM30.

"Seekor ayam piru boleh mencecah enam hingga tujuh kilogram. Oleh itu, jika didarabkan (tujuh kilogram) ianya boleh mencapai ratusan ringgit," ujarnya pada sesi lawatan ke ladang baka ayam piru Teroka Jaya Enterprise di sini baru-baru ini.

Turut serta, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail, PPK Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid dan Pengurus Teroka Jaya Enterprise Farm, Farizal Hamidon.

Sempena lawatan terbabit, Afif dan rombonganya turut dibawa melawat di kawasan dalaman kandang ternakan termasuk diberi penjelasan berhubung teknik penjagaan serta pemakanan.

Menurut Afif, majoriti bekalan ayam di piru di Malaysia diimport dari luar kerana permintaan di negara ini adalah melebihi kuantiti pengeluaran.

"Dalam membantu usahawan-usahawan muda, Kerajaan Negeri memperkenalkan skim mikro kredit pinjaman untuk petani dan penternak tanpa faedah iaitu Skim Usahawan Tani Muda. Buat masa sekarang, kita (Kerajaan Negeri) sedang tapis nama-nama yang telah didaftar untuk proses selanjutnya," jelas beliau.

Dalam pada itu, Farizal memberitahu bahawa beliau bersyukur dengan pencapaian dikecapi kini.

"Ladang ini merupakan tempat latihan dan kursus bagi penternak yang berminat memulakan perniagaan berasaskan ternakan ayam piru.

"Usahawan dan pengusaha dari seluruh negara datang ke sini, termasuk dari universiti-universiti tempatan yang datang belajar dan melakukan latihhan industri (praktikal) di sini," ujarnya.

Tambah Farizal, kini, ladangnya mampu menetaskan 1,500 telur dalam tempoh sebulan dan sasaran beliau adalah (menetaskan) 5,000 biji bagi memenuhi pasaran negara bagi tujuan pembiakan.



AYAM-ayam piru dilepaskan bebas sebagai salah satu jaminan kualiti pengeluaran.



# MBPP terus cari penyelesaian terbaik lega trafik

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI & WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT GELUGOR –** Dalam mencari jalan penyelesaian terbaik bagi menangani masalah kesesakan lalulintas di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melaksanakan tujuh projek penambahbaikan aliran lalulintas dengan kos berjumlah RM73.4 juta.

Tujuh projek dimaksudkan adalah menaiktaraf persimpangan Lebuhraya Thean Teik – Lorong Batu Lanchang; menaiktaraf Jalan Air Itam di bahagian Jalan Masjid Negeri, Jalan Scotland dan Jalan Air Itam; menaiktaraf Jalan Gottlieb dan sebahagian Jalan Bagan Jermal; menaiktaraf Lorong Batu Lanchang; menaiktaraf sebahagian Jalan Bagan Jermal – Jalan Mount Erskine dan sebahagian Jalan Masjid Negeri antara Bulatan Udini dan Jalan Delima.

Perkara tersebut dinyatakan Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail pada Majlis Perasmian Menaiktaraf Sebahagian Jalan Masjid Negeri di antara Bulatan Udini dan Jalan Delima di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis perasmian berkenaan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, & Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi), Lim Hock Seng; Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun; Ahli-ahli Majlis MBPP dan wakil-wakil jabatan MBPP.

Patahiyah menjelaskan, semua projek menaiktaraf dan penambaikan itu turut merangkumi sebuah projek lain yang masih dalam pelaksanaan dan dua projek lagi di peringkat panggilan tender yang bernilai RM50.8 juta selaras dengan Rancangan Strategik MBPP 2011-2015 .

"Pastinya, sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT), MBPP sentiasa peka dan prihatin terhadap keperluan serta isu-isu berkaitan lalulintas di negeri ini.

"Oleh sebab itu, kita (MBPP) berterusan mencari penyelesaian terbaik dalam melegakan kesesakan lalulintas dan kita (MBPP) sedang dalam penyediaan tender bagi fasa seterusnya yang dijangka bermula Ogos depan dengan melibatkan kos sebanyak RM17.3 juta," katanya yang turut menerima maklum balas positif daripada pengguna jalanraya secara umum.



KEADAAN lalulintas sebahagian Jalan Masjid Negeri di antara Bulatan Udini dan Jalan Delima selepas selesai kerja-kerja menaiktaraf.



CHOW Kon Yeow (empat dari kanan) ketika menjalankan lawatan ke lokasi di sini baru-baru ini.

Patahiyah dalam pada itu memberitahu, beliau yakin dengan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri dan MBPP bahawa lebih banyak peruntukan dapat disediakan bagi projek-projek menambahbaik aliran trafik serta pengangkutan awam bagi manfaat semua warga Pulau Pinang ke arah sebuah bandaraya bertaraf antarabangsa.

"Dalam jangkamasa panjang, Kerajaan Negeri dan MBPP telah merancang untuk melaksanakan Projek Pembinaan *by-pass* dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Air Itam dan menambahbaik aliran trafik di sepanjang Jalan Masjid Negeri dengan anggaran kos RM1.04 bilion dan dijangka siap menjelang tahun 2019.

"Di samping itu, Kerajaan Negeri turut mengadakan panggilan tender terbuka bagi Projek Pembinaan dan Penyambungan Jalan Berkembar Jalan Paya Terubong dari Lebuhraya Thean Teik ke Lebuh Bukit Jambul dengan melibatkan kos RM230 juta dan siap pada 2018," jelasnya.

Sebelum hari perasmian berkenaan, Kon Yeow turut hadir melawat kerja-kerja akhir naiktaraf jalan berkenaan, sambil menerangkan beberapa punca masalah kelewatan.

"Antara kerja-kerja yang menjadi punca kelewatan selama 17 bulan adalah pemindahan pokok-pokok dan penempatan utiliti.

"Masalah kedua yang timbul adalah keengganan beberapa pemilik utiliti menanggung kos pemindahan," ujar beliau.

## Bulatan Impian cermin pembangunan Bayan Baru

Gambar : **MARK JAMES**




LANDSKAP menarik Bulatan Impian.

**PANTAI JEREJAK –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memuji pembangunan di Bayan Baru di sini sejak Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) mengambilalih tampuk pemerintahan Pulau Pinang.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Projek Naiktaraf Bulatan Impian (Bulatan Bayan Baru) di sini baru-baru ini.

"Saya masih ingat pada tahun 2008, ketika datang ke sini, bangunan *Krystal Point* adalah agak kosong dan kurang peniaga, namun pada hari ini, kita lihat *Krystal Point* sudah penuh sampai atas dan itulah perubahan wajah yang dipulihkan di kawasan komersial ini.

"Saya juga difahamkan bahawa bulatan seluas tiga ekar ini merupakan bulatan terbesar di Pulau Pinang dan utara Semenanjung Malaysia.

"Justeru, umpama sebuah lokasi yang 'hidup semula', saya ingin menamakan bulatan ini sebagai Bulatan Impian," ujar beliau.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin, Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail dan ahli-ahli majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Bulatan Impian merupakan projek naiktaraf bernilai RM800,000 membabitkan usahasama MBPP dan pemaju, *Ideal Property Group*.

Dalam pada itu, Patahiyah memberitahu, terdapat empat bulatan di bahagian pulau Pulau Pinang yang dijadikan bulatan angkat oleh syarikat-syarikat korporat. Antaranya, Bulatan Air Itam, Bulatan Bayan Lepas (Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang), Bulatan Persiaran Gurney, Bulatan Udini dan kini Bulatan Impian.

"Selain menaiktaraf bulatan, MBPP akan meneruskan usaha menaiktaraf beberapa bahagian Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dengan menanam pokok teduhan yang dianggarkan bernilai RM1.34 juta demi melestarikan alam sekitar di samping menjalankan projek-projek pembangunan," jelas beliau.



# Hari Ibu, kemenangan Wan Azizah hadiah paling bermakna

Oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TENGAH –** Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani menegaskan bahawa kemenangan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail pada Pilihan Raya Kecil (PRK) P44 baru-baru ini merupakan hadiah yang teristimewa pada sambutan Hari Ibu kali ini.

"Kemenangan Wan Azizah tersebut dilihat dapat melonjakkan martabat kaum wanita terutamanya para ibu di negara ini," katanya semasa hadir mengedarkan bunga kepada para ibu sempena sambutan Hari Ibu 2015 di Pasar Awam Perkampungan Juru di sini baru-baru ini.

Tambah Kasthuriraani, Kerajaan Negeri kini amat jelas menghargai golongan wanita melalui pelaksanaan program-program dianjurkan terutamanya untuk ibu-ibu di sini.

"Antaranya, program Ibu Tunggal dan Ibu Emas yang mana Kerajaan Negeri menyampaikan sumbangan tahunan bagi menghargai pengorbanan serta jasa mereka.

"Selain itu, program pemeriksaan mamogram percuma, *Mammo Penang* khas untuk wanita berusia 35 tahun dan ke atas adalah bagi menjamin kesihatan golongan wanita di negeri ini," ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, walaupun program pemberian bunga sempena sambutan Hari Ibu Sedunia daripada pihaknya adalah tidak seberapa, tujuan utama adalah bagi membolehkan golongan ibu merasakan diri masing-masing dihargai serta disayangi.

"Sebanyak 2,000 kuntum pelbagai jenis bunga diedarkan kepada golongan ibu di kawasan Parlimen Batu Kawan pada hari ini.

"Dengan pemberian ikhlas ini, diharap ibu-ibu akan merasa diri dihargai dan lebih bersemangat untuk menjalankan tanggungjawab terhadap keluarga dan pembangunan negeri ini," kata Kasthuriraani.

Sementara itu, turut dihargai adalah golongan ibu di Dewan Undangan Negeri Datuk Keramat dan DUN Paya Terubong yang mana Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) berkaitan iaitu Jagdeep Singh Deo dan Yeoh Soon Hin turut turun padang mengedarkan kuntuman bunga kepada golongan teristimewa berkaitan.



**JAGDEEP Singh Deo (dua dari kiri) bersama-sama golongan ibu menunjukkan tanda bagus sambil menunjukkan kuntuman bunga diterima.**



**P. Kasthuriraani (kiri sekali) menyampaikan kuntuman bunga kepada golongan ibu di Pasar Awam Perkampungan Juru sempena sambutan Hari Ibu Sedunia 2015 di sini baru-baru ini.**



**YEOH Soon Hin (kanan sekali) berjabat tangan dengan salah seorang ibu.**



Ucapan di Forum "Hiburan dan Kritikan: Seniman, Seni dan Keadilan Sosial dalam Filem P Ramlee" pada 9 Mei 2015 di Pulau Pinang.

# Filem sebagai wadah kritikan sosial

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute**

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

**ALLAHYARHAM** Dato' Aziz Sattar suatu ketika dahulu, sewaktu beliau sedang duduk bersama P Ramlee sambil merenung nasib mereka berdua dalam dunia seni, pernah mengatakan, "janganlah kau risau, kau akan hidup seribu tahun lagi, Ramlee."

Maka benarlah telahan Aziz, setelah lebih empat puluh tahun pemergian P Ramlee, nama beliau hari ini tetap segar dalam ingatan kita. Walaupun jasad beliau sudah tiada, suara, aksi dan seni beliau masih hidup melalui puluhan karya filem dan lagunya yang senantiasa relevan sepanjang zaman. Sesungguhnya, tidak pernah ada dan tidak pernah akan ada seorang seniman seagung beliau yang begitu digemari dan dikasihi oleh semua lapisan masyarakat negara kita.

Sebagaimana diketahui umum, P Ramlee adalah sebutir permata Pulau Pinang. Beliau bukan sahaja dilahirkan dan dibesarkan di negeri ini, malah peringkat awal perjalanan seninya juga bermula di sini. Dengan menjadi seorang pemuzik kampung, P Ramlee kemudian bergerak selangkah demi selangkah ke hadapan dengan menyertai pelbagai pertubuhan muzik seperti Sinaran Bintang Sore dan Orkes Teruna Sekampung sehingga pengembaraannya ke persada yang paling tinggi. Namun, setinggi-tinggi mana pun, pengaruh ciri-ciri Pulau Pinang dalam karya-karyanya tetap ketara. Filem-filemnya kerap menggambarkan masyarakat yang rencam dan kosmopolitan – cerminan masyarakat Pulau Pinang.

**Keberkesanan filem sebagai alat propaganda**

Filem merupakan salah satu medium yang berkesan dalam penyampaian sesuatu idea ataupun kritikan, sama ada bagi tujuan pendidikan mahupun propaganda. Filem boleh digunakan sebagai alat untuk menggerakkan kuasa progresif masyarakat, yakni untuk merangsangkan pemikiran dan pencerahan terhadap sesuatu idea.

Namun, dalam suasana monopoli di mana halal haramnya sesuatu filem ditentukan oleh kerajaan, maka kecenderungan untuk mempergunakan medium ini untuk melegitimasikan naratif rasmi pemerintah, sepertimana filem *Tanda Putera,* akan berlaku. Pun begitu, kegagalan filem tersebut untuk menutup kerugian berjuta-juta ringgit menunjukkan bahawa kebijaksanaan rakyat tidak boleh diambil ringan. Filem propagada, walaupun dibuat dengan barisan pelakon terkenal dan kos produksi yang tinggi, tidak semestinya berjaya sekiranya terlalu berat sebelah.

Mungkin peranan filem yang paling utama adalah sebagai wadah kritikan sosial. Ambil sebagai contoh filem trilogi popular *The Hunger Games* yang mengisahkan usaha penggulingan pemerintah yang menindas rakyat dalam sebuah negara di mana kekayaan rata-rata dibolot oleh golongan elit sementara kaum marhaen terpaksa hidup dalam keadaan papa dan ketakutan. Biasa didengar?

Pada masa yang sama, cerita tersebut juga mengutarakan konsep hiburan sebagai alat penindasan, sebuah idea yang kerap digunakan oleh pemerintah, yakni dalam gelanggang Roman dan perlaksanaan hukuman bunuh di khalayak ramai. Tindakan sedemikian menggunakan keganasan sebagai daya tarikan tetapi pada masa yang sama juga menakutkan rakyat dan mengingatkan mereka kepada padah sekiranya mereka melangkaui garisan.

**Kritikan sosial dalam filem P Ramlee**

Filem-filem P Ramlee tidak pernah kurang dalam memainkan fungsi-fungsi seperti ini. Walaupun ada yang merasa bahawa karya beliau yang lazimnya luar biasa dan penuh angan-anganan itu sekadar alat pelarian ataupun *escapism*, P Ramlee sebenarnya berjaya membuka kesedaran masyarakat mengenai kepincangan sosial dan politik zamannya. Bukan sekadar itu, beliau juga mencabar resam kehidupan dan turut meramal realiti masyarakat yang akan datang. Dalam hal ini, beliau sangat berpandangan jauh.

Dalam filem *Antara Dua Darjat, Penarek Becha* dan *Ibu Mertuaku* misalnya, P Ramlee berjaya membawa tema pertentangan kelas antara golongan miskin dan golongan kaya pada waktu itu. Tema yang sering diketengahkan P Ramlee ini sangat menarik dan sangat relevan untuk menjelaskan fenomena masyarakat waktu itu. Malah, P Ramlee jarang sekali – dan mungkin tidak pernah – menggunakan kayu ukur kaum atau agama dalam memberi sesuatu penjelasan sosial sebagaimana yang sudah menjadi kelumrahan wacana masyarakat kita pada hari ini.



ZAIRIL Khir Johari (berdiri, depan, kanan sekali) ketika meraikan kemenangan Pilihan Raya Kecil (PRK) Permatang Pauh bersama-sama Ketua Menteri dan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Dr. Wan Azizah Wan Ismail (duduk, kanan sekali).

Tambahan pula, kritikan terhadap sikap para pemimpin yang tidak bertanggungjawab juga dizahirkan dengan jelas dalam filem-filemnya. Di dalam *Nujum Pak Belalang* dan *Musang Berjanggut* contohnya, P Ramlee mengkritik sikap pemimpin yang sambil lewa dalam memimpin, banyak menghabiskan masa dengan hal-hal yang tidak berfaedah, kurang berfikir dan sebagainya. Demikianlah cara Allayarham menggunakan medium filem untuk menyampaikan buah fikiran, kritikan sosio-politik serta provokasi intelektual dalam usaha pencerahan masyarakat.



BERGAMBAR kenangan dengan rakan seperjuangan, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong di pusat pengiraan undi PRK Permatang Pauh.

**Menghidupkan semula cara pandang dunia P Ramlee**

Sesungguhnya, banyak yang boleh kita pelajari daripada sosok P Ramlee dan filem-filemnya ini. Daripada kisah hidupnya sebagai seorang budak kampung sehinggalah menjadi seorang seniman agung. Nilai-nilai yang dibawa melalui filem-filemnya perlu kita hayati dalam kehidupan kita, bukan hanya bagi mereka yang terlibat dalam industri perfileman atau kegiatan seni lain, malah juga bagi kita sebagai anggota masyarakat madani.

Oleh itu, Penang Institute sekali lagi mengambil langkah menganjurkan siri forum bersempena dengan Festival P Ramlee tahun 2015, bagi menyegarkan kembali ingatan serta mencetuskan ilham baru mengenai hasil karya P Ramlee dan hubungannya dengan masyarakat Pulau Pinang serta Malaysia secara am.

Forum yang bertajuk "Hiburan dan Kritikan: Seniman, Seni dan Keadilan Sosial dalam Filem P Ramlee" ini bertujuan untuk mengupas permasalahan sosial yang cuba diketengahkan oleh P Ramlee dalam karyanya. Sepertimana yang saya mengutarakan tadi, bakat Seniman Agung kita ini tidak terbatas kepada aksi luci yang membuatkan penonton tidak kering gusi, tetapi dalam masa yang sama beliau juga berjaya membuat teguran atau kritikan sosial.

Justeru, saya harap kita boleh memanfaatkan perbincangan kita pada petang ini dengan barisan panel yang sangat tersohor dan tidak asing kepada kita, iaitu Sasterawan Negara Dato' A Samad Said ataupun Pak Samad, Dr Mahyuddin Ahmad dan Hassan Muthalib. Tugas mengendalikan perbicangan pula akan dilaksanakan oleh moderator Dr Ngo Sheau Shi.

Sekian, selamat berforum.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PAS PENANG HQ** | (T) 04 - 575 5584 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ridwan Osman<br>ridwan_wan48@yahoo.com | 013-499 5068 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Arshad Md. Salleh<br>arshad.salleh@yahoo.com | 019-510 2633 |
| **SUNGAI DUA**<br>Zahadi Mohd.<br>zahadi55@yahoo.com | 019-507 3828 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012-594 1515 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Jamaludin Said<br>udinmtd@gmail.com | 019-413 0799 |
| **PULAU BETONG**<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017-460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS & AMBULANS | 999 |
| BOMBA | |
| PENYELAMAT | |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 011-1060 8823 | - Shukri |
| N2 | Bertam | : 019 - 593 3736 | - Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | : 019 - 556 4664 | - R.M. Reza |
| N5 | Sungai Dua | : 013 - 595 6865 | - Rosli Man |
| N6 | Telok Air Tawar | : 013 - 598 1435 | - Raudzey Razali |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 399 6689 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 010 - 929 6603 | - Ariff Baseri |
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | - Benji Ang<br>- Razin |
| N29 | Datok Keramat | : 017 - 480 7417<br>04 - 226 2464 | - Varinder<br>- Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963 | - Toon Hoon Lee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 205 1185<br>: 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Frankie Kee<br>- Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : 016 - 599 2918 | - Saifullizan |
| N39 | Pulau Betong | : 012 - 422 4935 | - Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | : 017-413 5695 | - Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Loh Joo Huat | 012 - 422 1133 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani | 019 - 411 8343 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Chong Hee | 019 - 411 5598 |
| Tiagarajen A/L Annamalai | 010 - 387 9305 |
| Ong Eu Leong | 010 - 770 0508 |
| Ho Leng Hong | 017 - 487 2767 |
| Shafiqah Shobha Abdullah | 016 - 496 1659 |
| Mohd. Rizal Abd. Hamid | 012 - 424 3878 |
| Rajasegar a/l Govindasamy | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim | 018 - 576 1622 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115<br>019 - 493 6161 |
| Amir Md. Ghazali | 013 - 584 8386 |
| Mohd. Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Omar Hassan | 019 - 571 8031 |
| Dahalan Fazil | 019 - 727 4388 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 508 0039 (Tel)<br>04 - 657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah | 013 - 414 4822 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPPP | 04 - 259 2020 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Sukumar a/l Subramaniam | 019 - 442 2113 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019- 225 6502 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Prof. Tan Kim Hooi | 016 - 438 7855 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Lim Boon Beng | 012 - 564 4400 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Kumaresan a/l Arumugam | 014 - 945 9621 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Felix Ooi Keat Hin | 016-417 1331 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Yacoob Omar | 013 - 420 3611 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Dr. Lim Mah Hui | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat | 016 - 414 3428 |
| Sha'ari Md. Salleh | 013 - 788 7786 |
| Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 012 - 472 8114 |

**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "***sms blast***",
taip "***ADD ME***" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang 2015











TIMBALAN Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (tiga dari kanan) menunjukkan salah satu produk yang dihasilkan usahawan tempatan ketika hadir pada Majlis Perasmian Karnival Koperasi Pulau Pinang 2015.



KAKITANGAN Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan ahli jawatankuasa penganjur program *City Ride* memberikan *pose* menarik kepada lensa Buletin Mutiara.




AHLI Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar bergambar kenangan dengan sebahagian pengunjung Pasar Awam Seberang Jaya ketika lawatannya ke lokasi berkaitan.



PENGASAS Yayasan An-Nahdoh, Ustaz Mutalib Maarof (dua dari kiri) saling berjabat tangan dengan Ketua Menteri (tiga dari kiri) pada Majlis Penyampaian Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang Tahun 2015 bagi Kawasan Parlimen Permatang Pauh, sambil disaksikan Timbalan Speaker DUN, Dato' Maktar Shapee (kiri sekali) dan YDP MAINPP, Dato' Mohd. Salleh Man (kanan sekali).







DATUK Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Patahiyah Ismail (kanan sekali) menyerahkan cenderamata kepada salah seorang penerima pada Majlis Penghargaan Pesara & Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MBPP.



AHLI Parlimen Permatang Pauh, Dr. Wan Azizah Wan Ismail (dua dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama anak-anaknya.

EXCO Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin (barisan belakang, berdiri, sembilan dari kiri) dan Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman (barisan belakang, berdiri, lapan dari kiri) bergambar kenangan dengan ahli-ahli pasukan yang berentap dalam pertandingan bola sepak antara pasukan *Penang Legend* dan *Selangor Legend.*





PEGAWAI Kewangan Negeri, Dato' Mokhtar Mohd. Jait menunjukkan buah strawberi yang dihidangkan kepada beliau pada Majlis Penyempurnaan Projek Fasa Dua Bukit Bendera.

# Mengekalkan wanita dalam tenaga kerja

Oleh : **CHONG ENG, EXCO Belia & Sukan; Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti merangkap Pengerusi PWDC**

**MENGIKUT** siri statistik Labour Force Survey Time Series Data 1982-2013 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, dianggar bahawa terdapat seramai 327,700 wanita dalam tenaga kerja di negeri Pulau Pinang pada tahun 2013, atau kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja sebanyak 57%.

Daripada jumlah tersebut, dianggar bahawa seramai 321,300 wanita sedang bekerja dan seramai 6,500 wanita sedang menganggur, iaitu kadar pengangguran sebanyak 2%. Pada masa yang sama, seramai 247,300 wanita berada di luar tenaga kerja.

Kekurangan wanita dalam tenaga kerja merupakan satu kerugian kepada negeri Pulau Pinang, dari segi ekonomi dan Keluaran Dalam Negara Kasar.

Namun, harus diingati juga bahawa ramai wanita yang sebenarnya ingin bekerja di luar rumah, tetapi terhalang disebabkan tanggungjawab rumahtangga, penjagaan anak mahu pun warga emas, dan kekurangan tempat kerja yang mesra keluarga atau *'family-friendly.'*

Jalan penyelesaian bagi isu kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja bukan sekadar membekalkan lebih banyak peluang pekerjaan, tetapi juga mencari jalan bagi mengekalkan wanita dalam tenaga kerja.

Satu kajian Penang Institute bertajuk *'Explaining Women's Labour Force Participation – A Case Study of Penang'* yang dibuat pada tahun 2014 telah mencadangkan beberapa cara penyelesaian yang boleh diambil – termasuk mengadakan kursus latihan semula dan peningkatan kemahiran bagi wanita yang ingin kembali bekerja, serta memupuk kemahiran keusahawanan dan bekerja sendiri.

Selain itu, kajian Penang Institute menyarankan pengwujudan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak atau *'childcare'* yang berpatutan harga, serta tempat kerja yang mesra keluarga atau *'family-friendly'* yang mempraktikkan kerja jadual fleksibel (atau *'flexible working hours'*) dan cuti bersalin ibu serta bapa yang dilanjutkan (iaitu *'extended maternity and paternity leave'*).

Namun, yang penting sekali, perubahan minda adalah perlu dalam masyarakat agar wanita dan lelaki sama-sama berkongsi tanggungjawab rumahtangga dan tugas penjagaan anak – dan ia tidak lagi menjadi tugas wanita sahaja.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri melalui PWDC sedang bergiat aktif untuk memupuk budaya dan nilai kesaksamaan gender di tempat kerja.

PWDC telah menganjurkan siri seminar Lean In @ Penang yang diinspirasi oleh buku *'Lean In: Women, Work and the Will To Lead'* yang ditulis oleh COO *Facebook*, Sheryl Sandberg.

Siri seminar 'Lean In @ Penang' ini bukan sahaja mendekati wanita, tetapi juga lelaki profesional bagi membawa mesej tentang kesaksamaan gender di tempat kerja dan rumahtangga.

Sejak 2013, *'Lean In @ Penang'* telah disertai oleh lebih daripada 300 peserta termasuk dari MBPP baru-baru ini, sempena Hari Wanita Sedunia 2015.

PWDC juga sedang mengoperasi Taska D'KOMTAR iaitu taska di tempat kerja, yang diharapkan dapat menjadi model taska yang boleh diwar-warkan kepada syarikat-syarikat dan majikan-majikan di negeri Pulau Pinang bagi menggalakkan mereka membekalkan perkhidmatan yang serupa. Di samping Taska D'KOMTAR, PWDC juga menyelia Pusat Jagaan Kanak-Kanak DTL di Padang Tembak, Ayer Itam dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak SPT di Taman Serumpun, Bukit Mertajam.

Selain itu, PWDC telah melancarkan satu Sistem Pemetaan TASKA Pulau Pinang iaitu portal untuk semua pusat penjagaan kanak-kanak yang berdaftar di negeri ini. Sistem pemetaan ini berfungsi sebagai pangkalan data untuk ibu bapa dan penjaga yang bekerja, dan menggalakkan pusat penjagaan kanak-kanak untuk mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Dalam usahanya untuk mengarusperdanakan gender dalam pentadbiran kerajaan, PWDC sedang mengimplimentasi program Bajet Responsif Gender dan Partisipatori (GRPB) bersama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Adalah diharapkan bahawa berkat kerjasama dari MBPP dan MPSP, faktor gender akan dipertimbangkan dalam pelbagai arena tadbir urus kerajaan termasuk usaha pengwujudan peluang pekerjaan dan perniagaan bagi wanita.




**MENYAMBUT Hari Ibu di PJKK SPT bersama Chong Eng, ADUN, Ahli Parlimen, Ahli Majlis MBPP dan MPSP.**



**CHONG Eng dan ADUN Sungai Pinang Lim Siew Khim pada sidang media di persidangan DUN baru-baru ini.**



**AHLI Parlimen Permatang Pauh, Dato' Seri Wan Azizah turut hadir ke PJKK SPT.**

# Memperkukuh faktor gender dalam filem tempatan

Oleh : **SHARON WH LING, Pegawai Dasar Gender & Advokasi PWDC**

**PADA** 15 Mei, pelajar-pelajar ijazah Sarjana Muda tahun kedua dari bidang pengajian Komunikasi dan Bahasa KDU College Penang telah mengadakan majlis anugerah bagi projek *'Flicks Fiesta 2015'* merekai.

Pertandingan filem ini yang bertema 'Flash of Dreams' bertujuan untuk "menggalakkan dan memberi inspirasi kepada penulis skrip dan pembikin filem di Pulau Pinang yang bercita-cita tinggi."

Menyedari kepentingan memupuk bakat muda dan menggalakkan wanita muda untuk menceburi bidang pembikinan filem, maka Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah menaja dua anugerah khas – iaitu Anugerah Kesaksamaan Gender PWDC dan Anugerah Masa Hadapan PWDC.

Sebagai Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang memperjuangkan kesaksamaan gender dan pemberdayaan wanita, PWDC komited untuk memupuk suasana kreatif di mana bakat muda boleh meneroka tema kesaksamaan gender dalam usaha kreatif mereka.

Bagi kategori pertama, peserta yang membikin Pengumuman Perkhidmatan Awam *(Public Service Announcement* atau PSA) tertumpu kepada atau melibatkan tema 'kesaksamaan gender' akan diberi Anugerah Kesaksamaan Gender PWDC. Natalee Corbett, seorang pelajar tingkatan lima dari Sekolah Perempuan Methodist telah memenangi anugerah tersebut untuk videonya yang bertajuk "Mengapakah Saya Tidak Dapat Bermain Permainan Video?"

Corbett berkongsi bahawa beliau sendiri telah melihat perbezaan gender dalam dunia permainan video, iaitu kurang kanak-kanak perempuan bermain permainan video disebabkan persepsi masyarakat bahawa permainan video hanya untuk kanak-kanak lelaki sahaja.

PWDC juga komited terhadap meratakan padang permainan supaya wanita boleh mempunyai peluang yang sama dengan lelaki untuk berjaya dalam bidang yang diceburi. Ini adalah objektif di sebalik Anugerah Masa Hadapan PWDC.

Satu kajian oleh *Geena Davis Institute on Gender in Media* telah membuat kesimpulan bahawa "nisbah jantina di sebalik kamera adalah 3.9 lelaki untuk setiap 1 wanita. Wanita merupakan 7% daripada pengarah, 19.7% daripada penulis, dan 22.7% daripada pengeluar merentas bidang filem sampel dan pengumuman perkhidmatan awam atau PSA."

Pemenang Anugerah Masa Hadapan PWDC bagi pengarah wanita terbaik telah Yeoh Wei Ling, seorang pelajar di KDU Pulau Pinang. Dokumentari beliau mengenai amalan pemberian kertas dalam budaya Cina mempunyai semua ciri sebuah dokumentari yang baik – iaitu kandungan yang kukuh, perspektif penyiasatan, temu bual yang berkualiti dan penyuntingan yang tajam.

"'Anugerah ini adalah amat bermakna bagi saya. Dengan ini, saya berasa bahawa saya berdaya membuat sesuatu. Ia sangat menggalakkan,' ulas Yeoh terhadap kemenangannya.

Untuk melihat filem-filem tersebut, sila lawati saluran *Youtube Penang Women's Development Corporation*.



**PEMENANG Anugerah Masa Hadapan PWDC, Yeoh Wei Ling bersama Karen Lai.**



**PEMENANG Anugerah Kesaksamaan Gender PWDC Natalee Corbett bersama Karen Lai, Pengurus Program PWDC.**

# SILANG KATA
## Sejarah Pulau Pinang

**Tarikh Tutup Peraduan :**
**30 Jun 2015**

Melintang :

1. Negeri yang berkait rapat dengan sejarah Pulau Pinang.
3. Roda tiga.
5. Kapten yang dikenali sebagai pengasas Pulau Pinang.
8. Bersama-sama Pulau Pinang dan Singapura menjadi kawasan penempatan selat.
10. Wilayah
12. Ibu negeri Pulau Pinang.
13. Pusat pentadbiran Kerajaan Negeri.

Menegak :

2. Tempat persinggahan kapal dari luar.
4. Raja buah.
6. Rojak.
7. Pengangkutan air.
9. Kedudukan pulau di permulaan ________________.
11. Makanan popular di Pulau Pinang.
14. Acara tahunan pada penghujung tahun.



**Lengkapkan slogan dibawah :**

*Saya inginkan sebuah Pulau Pinang yang* ..........................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

*(tidak melebihi 30 patah perkataan)*

Sila isi butiran berikut:

Nama : ____________________

No. Kad Pengenalan: ____________________

Alamat: ____________________

____________________

____________________

No. Telefon : (Rumah) __________ (Bimbit) : __________

Emel: ____________________

**Terma & Syarat Peraduan:**

1. Teka silang kata : Peraduan dibuka dari 1 Februari 2015 hingga 30 Jun 2015.
2. Peraduan terbuka kepada semua.
3. Lengkapkan silang kata di atas dan slogan.
4. Slogan adalah tidak melebihi 30 patah perkataan.
5. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
6. Peserta boleh menghantar SATU penyertaan sahaja.
7. Hanya penyertaan lengkap bakal diadili.
8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
9. Keputusan pengadil adalah muktamad.
10. Sebarang pertanyaan sila hubungi 04 - 650 5564 / 5256 / 5704.
11. Alamatkan semua borang penyertaan kepada :
    Buletin Mutiara, Peraduan Silang Kata - Sejarah Pulau Pinang,
    Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

**Hadiah Utama : RM 500**

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 10727
Peminjam : NURAZLINA BINTI AZIZAN - 84033101****
A-6-14 NILAM PURI CONDO. 1 JLN BUKIT PUCHONG, BDR. BUKIT PUCHONG 2, 47120 PUCHONG, SELANGOR
Penjamin 1 : AZIZAN BIN JOHARI - RF/82***
BLOK C-1-10 PANGSAPURI AMAN, TAMAN BAGAN 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : AMYYANA BINTI SAAD - 83082402****
NO. 196 KAMPUNG SERUKAM, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 10729
Peminjam : TAN CHIN HOONG - 85060707****
NO.10 LORONG TERINAI, TAMAN INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : TAN SWEE SIN - 80020407****
10 LORONG TERINAI, TAMAN INDAH, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LIM CHEE SIANG - 76022107****
NO.1710 KAMPUNG BARU 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10730
Peminjam : LIM HOOI MEI - 86082435****
NO.7 LORONG RUSA 6, TAMAN SELAMAT 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : LIM HOOI LING - 81100707****
7 LORONG RUSA 6, TAMAN SELAMAT, 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : TEOH KAH KHIANG - 81061102****
NO.104-A PEKAN LAMA, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 10731
Peminjam : CHENG WEI YING - 88063007****
NO.12 LEBUH KURAU 9, TAMAN CHAI LENG 13700 PERAI
Penjamin 1 : CHENG JIA CIAN - 84102907****
11A LORONG SIAKAP 15, 13700 SEBERANG JAYA
Penjamin 2 : KHUR BOON SIANG - 81120107****
NO.12 LEBUH KURAU 9, CHAI LENG PARK, 13700 PERAI

No Akaun : 10735
Peminjam : NORSIAH BINTI MOHAMED - 65030107****
BLOK AKF 13-1 PERUMAHAN KASTAM, BUKIT GELUGOR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMMAD HASSAN BIN MD ISA - 65062202****
755 JALAN KOBIS 3, TAMAN KOBIS 3, LUNAS, 09600 KEDAH
Penjamin 2 : SHOFI BIN MOHAMAD - 57092807****
3491 LORONG SELASIH 2F 4 , TAMAN SELASIH 09000 KULIM, KEDAH

No Akaun : 10740
Peminjam : ISMANIZAMI BIN ISMAIL - 83070207****
LOT 4-2, PANGSAPURI MUTIARA SERDANG, JALAN SR 6/3, SEKSYEN 6, TAMAN SERDANG RAYA, 43300 SRI KEMBANGAN, SELANGOR
Penjamin 1 : AMER BIN HUSSAIN - 69081507****
677 MUKIM A, SUNGAI PINANG 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : AZIZUL BAHARI BIN ISMAIL - 79070207****
98 GENTING VILLAGE AREA, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 10748
Peminjam : MUHAMMAD NABIL FIKRI BIN BAHARUL AKMAR - 89041507****
24 JALAN JAMBU 2, TAMAN JAMBU, MACHANG BUBOK 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : BAHARUL AKMAR BIN OMAR - 54011007****
NO. 24 JALAN JAMBU 2, TAMAN JAMBU, MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : RUSLINAWATI BINTI IBRAHIM - 63022402****
NO. 24 JALAN JAMBU 2, TAMAN JAMBU, MACHANG BUBUK 14020 BUKUT MERTAJAM

No Akaun : 10749
Peminjam : HO CHOON KOOK - 64121307****
NO.804 TAMAN INDAH 09600 LUNAS, KEDAH
Penjamin 1 : HO CHOON FAH - 67011107****
804 TAMAN INDAH, 09600 LUNAS, KEDAH
Penjamin 2 : NG YEW HUNG - 61082307****
804 TAMAN INDAH, 09600 LUNAS, KEDAH

No Akaun : 10751
Peminjam : BALQHIS BINTI KARIM - 88040406****
NO. 955 MUKIM 11, SUNGAI BATU, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SALINA BINTI HASSAN - 64122607****
NO. 18 LORONG SERI GENTING 2, TAMAN PONDOK UPEH, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ISMAIL SHAH BIN A ABDUL RAZAK - 60072107****
769 MUKIM 2, TELUK BAHANG 11050 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 10753
Peminjam : GOH THEE SIANG - 86080435****
6-1-4 PERSIARAN MAYANG PASIR 5, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : GOH EU ENG - 56031407****
6-1-4 PESIARAN MAYANG PASIR 5, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : GOH THEE YONG - 80120607****
6-1-4 PESIARAN MAYANG PASIR 5, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG

No Akaun : 10755
Peminjam : LIM DEE PING - 86110435****
NO. 5 JALAN CENDERAWASIH 5, TAMAN CENDERAWASIH 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : LIM LEAN AUN - 64112708****
56 JALAN PUYU, TAMAN SERI TENGGARA 34200 PARIT BUNTAR, PERAK
Penjamin 2 : KANG CHEW GAN - 68072408****
45 TAMAN PARIT BUNTAR, JALAN TAIPING, PARIT BUNTAR 34200 PERAK

No Akaun : 10768
Peminjam : SYAZWANI BT RIZUAN - 87021107****
76 -J JALAN PERAK 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : RIZUAN BIN JAAFAR - 60062202****
76-J JALAN PERAK, (KUARTERS GURU) SEK FRANCIS LIGHT 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD FAWZI BIN OTHMAN - 59020307****
2321 JALAN ISMAIL NAGORE, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 10765
Peminjam : MUHAMMAD LOKMAN HAKIM B MUHAMMAD HAMBALI - 87051738****
LOT 5076 JALAN DATO ANUAR MUSA 2, KAMPUNG PINANG SEBERANG 34600 KAMUNTING, PERAK
Penjamin 1 : MUHAMMAD HAMBALI BIN OSMAN - RF108****
LOT 5076 JALAN DATO ANUAR MUSA 2, KAMPUNG PINANG SEBERANG 34600 KAMUNTING, PERAK
Penjamin 2 : ZAMRI BIN ZAKARIA - T1077***
445 JALAN LEMBAH PERMAI 1/3, TAMAN LEMBAH PERMAI 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 10770
Peminjam : SHAHIDAN BIN ZAINI - 87082707****
NO. 2333 PERMATANG BERANGAN 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : ZAINI BIN BIDIN - 61021008****
2333 PERMATANG BERANGAN 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : MUHAMAD BIN SALLEH - 59092002****
NO. 467 LORONG 11, TAMAN NILAM, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH

# Toray, terus melabur, serasi di P. Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**PANTAI JEREJAK –** Selepas lebih 40 tahun Kumpulan Toray (Toray) membangunkan pelbagai jenis perindustrian di negeri ini, syarikat antarabangsa dari negara Jepun tersebut baru-baru ini membuka satu lagi bahagian kilang Penfibre di Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas.

Bahagian kilang baru tersebut antaranya menghasilkan *Battery Separator Film* (BSF) untuk pasaran global, iaitu komponen bateri yang digunakan dalam telefon pintar, komputer tablet, komputer riba dan kenderaan jenis hybrid.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya berkata, kesetiaan Toray terus melabur di negeri ini sekaligus menggambarkan bahawa formula Kerajaan Negeri menggarapkan prospek pelaburan masa depan melalui tawaran pakej “3T” atau Bakat *(Talent)*, Teknologi dan Toleransi kian berjaya.

“Toray mempunyai keserasian industri di Pulau Pinang kerana negeri ini mempunyai apa yang mereka mahukan, iaitu secara asasnya kita mempunyai pekerja yang berbakat, teknologi dan yang paling penting adalah kita (Kerajaan Negeri) ada toleransi untuk idea baru.

“Terima kasih kepada Toray kerana terus menyediakan ribuan peluang pekerjaan untuk warganegara Malaysia di Pulau Pinang sejak empat dekad lalu,” jelasnya pada Majlis Jamuan Tengahari dan Acara Pembukaan Bahagian Penfibre BSF Toray di sini baru-baru ini.

Naib Presiden Kanan Perbadanan Perindustrian Toray Jepun, S. Hagiwara, O. Inoue (Presiden Toray Battery Separator Film Co., Ltd.) dan H. Yoshimra (Pengarah Urusan Industri Toray Malaysia) turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Dato’ Mohd. Rashid Hasnon dan Konsul Jeneral Jepun Ke Pulau Pinang, R. Noda.

Guan Eng yang juga ADUN Air Putih memberitahu, Toray kini boleh dianggap sebagai salah satu pelabur terbesar di Pulau Pinang dan Malaysia, jika berdasarkan RM4.5 bilion jumlah pelaburannya hingga kini dan RM4.1 bilion hasil jualan tahunan, melalui kilang-kilang seperti Penfibre, Penfabric, Toray Plastic Malaysia dan Toray BASF PBT Rasin.



RUPA bentuk BSF.

Selain itu, beliau memberitahu, pelaburan ke Pulau Pinang yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2014 meningkat 109 peratus menjadi RM8.2 bilion, berbanding RM3.9 bilion pada tahun sebelumnya.

Tambahnya, pelaburan ke Pulau Pinang dalam tempoh tujuh tahun sehingga 2014 pun masih menunjukkan peningkatan sebanyak 93 peratus menjadi RM48,211 juta, berbanding angka RM24,932 juta yang direkodkan dalam tempoh sama sebelum tahun 2008.

“(Dalam tempoh tahun 2008 hingga 2014,) peluang pekerjaan turut meningkat kira-kira 20.1 peratus menjadi 109,592 (pekerjaan), berbanding 91,252 untuk tempoh yang sama (2007 hingga 2001),” kata Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.


**(Dari kiri, depan), S. Hagiwara, Ketua Menteri dan O. Inoue memerhatikan salah satu produk yang dihasilkan Penfibre BSF Toray pada majlis jamuan tengahari dan acara pembukaannya di sini baru-baru ini.**

Pada perkembangan lain, Guan Eng turut merakamkan penghargaan kepada Toray atas kegigihan melaksanakan projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) seperti sumbangan RM2.5 juta untuk pembangunan Kompleks Kolam Renang Awam Seberang Jaya pada tahun 1982; penubuhan Yayasan Sains Toray Malaysia (1993); tapak elektronik di Stadium Batu Kawan (1999, RM6 juta); penubuhan Pusat Pemindahan Pengetahuan Toray di Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Induk Pulau Pinang (10 April 2013, RM4 juta); dan terbaru sumbangan RM300,000 demi merealisasikan rancangan projek penubuhan Tech-Dome Pulau Pinang bernilai RM25 juta.

Selain di Malaysia, difahamkan, industri Toray turut bertapak Japun, Amerika, Perancis, Korea dan China.

Pulau Pinang menjadi destinasi pelaburan pilihan Toray sejak tahun 1973.

PEARL RESIDENCES
BATU FERRINGHI, PENANG

PEGANGAN BEBAS

GAYA HIDUP YANG **MEWAH** DAN **TERUNGGUL**
DI BANDAR BATU FERRINGHI, PULAU PINANG

DIBUKA UNTUK JUALAN
FASA I - 14 UNIT

RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT
SAIZ RUMAH : JENIS **A** 3,095 kps & JENIS **B** 3,359 kps
SAIZ TANAH : DARI 2,637 kps KE 3,649 kps

- 4 + 1 BILIK DENGAN RUANG SILING TINGGI
- 800MM X 800MM JUBIN RUANG TETAMU & MAKAN
- SPESIFIKASI BERKUALITI
- ANJUNG KERETA YANG LUAS UNTUK 3 BUAH KERETA
- PENDAWAIAN PAGAR ,TEL. , INTERNET & ASTRO SIAP
- PENDAWAIAN & PAIP UNTUK HAWA DINGIN SIAP
- PENDAWAIAN & PAIP UNTUK AIR PANAS SIAP
- PENDAWAIAN CCTV SIAP
- HAKMILIK PEGANGAN BEBAS KHAS DIUTAMAKAN




SENI BAHAGIA SDN. BHD. (253996 - M)
SYARIKAT PEMBANGUNAN HARTANAH

**Pejabat Jualan :**
1-8A, Eden Parade 1, Jalan Sungai Emas, Batu Ferringhi, 11100 Penang , Malaysia
Tel : +604-881 1213 Fax : +604-885 1393
email : enquiry@senibahagia.com.my

604-8811213
www.senibahagia.com.my
+ 6016-416 2668 (Tony) | + 6017-422 2532 (Leow)

• Lesen Pemaju Perumahan No. : 13207-1/10-2015/0656(L) • Tarikh Sah : 10/10/2013 - 09/10/2015 • Permit Pengiklanan No. : 13207-1/10-2015/0656(P) • Tarikh Sah: 10/10/2013-09/10/2015
• Bebanan Tanah : Tiada, Pegangan Tanah : Bebas • Pihak Kelulusan Pelan : Majlis Perbandaran Pulau Pinang • Tarikh Jangka Siap : November 2015 • Pelan Bangunan No. : MPPP/OSC/PB(5707)13/LB
• Jumlah Unit Rumah Berkembar : 4 unit • Harga dari RM1,929,536.00 (Min) hingga RM 2,070,074.00 (Max) • 5% diskaun untuk Bumiputera

# Tanam pokok dalam pasu indah kawasan premis

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Tapak Warisan Dunia George Town dipilih sebagai pelopor bagi menjayakan inisiatif landskap hijau melalui projek terbaharu iaitu Projek 1 Rumah Kedai 1 Pasu di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng berkata, projek dicadangkan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh melalui Mesyuarat Jawatankuasa Landskap Negeri 2014 itu antara lain menggalakkan penyertaan masyarakat dan komuniti setempat tanpa mengira latar belakang serta usia untuk sama-sama mengindahkan kawasan rumah ataupun premis melalui penanaman pokok dalam pasu.

"Inisiatif yang dilaksanakan ini bukan sahaja bertujuan menyokong dan membantu usaha Kerajaan Negeri dalam memelihara alam sekitar, tetapi juga memperbanyakkan jaringan landskap semulajadi di Pulau Pinang khususnya di Tapak Warisan Dunia George Town ini.

"Pihak MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) juga sudi menyumbang sejumlah 80 buah pasu dan saya sendiri selaku ADUN turut menyumbang pokok-pokok tanaman renek termasuk kelengkapan lain sebagai galakan untuk turut serta dalam projek ini," katanya pada Majlis Perasmian Projek Perintis 1 Rumah Kedai 1 Pasu di Lebuh Carnarvon di sini baru-baru ini.


**(Dari kiri), LIM Chooi Ping, Dr. Tan Kim Hooi, Teh Lai Heng, wakil Jawatankuasa Landskap Negeri Pulau Pinang dan Quah Peng Eow menyempurnakan gimik perasmian 1 Rumah Kedai 1 Pasu di Lebuh Carnarvon di sini baru-baru ini.**


**PASU-pasu bunga ditempatkan di hadapan deretan rumah kedai di Lebuh Carnarvon.**

Hadir sama, Ahli Majlis MBPP, Dr. Tan Kim Hooi; Pengurus Besar George Town World Heritage Incorporated (GTWHI), Lim Chooi Ping serta Pengerusi JKKK Kampung Kolam, Quah Peng Eow.

Menurut Lai Heng, beliau berharap dengan pelaksanaan projek tersebut, masyarakat setempat dapat berkerjasama dengan Kerajaan Negeri dan MBPP dalam merealisasikan transformasi Pulau Pinang ke arah sebuah negeri bertaraf antarabangsa, pintar serta tanpa mengetepikan inisiatif penghijauan.

"Kita sebagai warga Pulau Pinang pastinya berasa bangga apabila George Town dipilih sebagai salah sebuah Tapak Warisan Dunia dan ini menjadi tanggungjawab kita semua untuk terus mengekal serta mencantikkan kawasan ini agar ia terus terpelihara.

"Saya berharap projek ini akan terus mendapat sokongan dan sumbangan penuh semua pihak termasuk daripada NGO (badan bukan kerajaan) serta swasta dalam memastikan pemeliharaan dan pengindahan persekitaran menjadi tanggungjawab kita bersama demi generasi masa hadapan," seru beliau.

## Pendedahan awal alam sekitar demi generasi depan - ADUN

Gambar : **ADUN**

**JAWI –** Seramai 117 murid prasekolah dari lima buah tadika dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi mengambil bahagian dalam penganjuran program *'Going Green, Starts From Kids'* sempena sambutan Hari Bumi 2015 di sini baru-baru ini.


**SOON Lip Chee (duduk, dua dari kanan) turut serta dalam aktiviti membuat baja kompos pada program *'Going Green, Starts From Kids'* di sini baru-baru ini.**

Program anjuran bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) itu turut mendapat kerjasama Pejabat Pertanian Daerah Seberang Perai Selatan dan Tadika Seri Comel, Nibong Tebal.

Menurut Lip Chee, program diadakan bertujuan memberi pendedahan awal tentang alam sekitar dalam kalangan murid-murid prasekolah merentasi pendidikan formal di sekolah.

"Pada usia antara empat hingga 12 tahun, kanak-kanak mudah menyerap apa sahaja yang diajar dan ini penting kerana ia akan memupuk dan memberi manfaat dalam proses pembelajaran terutama aspek pemeliharaan alam sekitar, kesihatan fizikal serta mental kanak-kanak terlibat.

"Kita (penganjur) juga menggalakkan ibu bapa dan guru-guru prasekolah untuk mengamalkan konsep 4R iaitu *Rethink* (berfikir semula), *Reduce* (mengurangkan), *Reuse* (mengguna semula) dan *Recycle* (mengitar semula) di rumah dan di tadika demi generasi masa hadapan," katanya sejurus selepas merasmikan program berkaitan di sini baru-baru ini.

Jelasnya, pihaknya juga kini giat melaksanakan inisiatif terbaru Kerajaan Negeri iaitu Program Makan Sampai Habis yang bukan sahaja dapat mengelak pembaziran, tetapi juga mengurangkan pembuangan sisa organik.

Selain pertandingan melukis, Program *'Going Green, Starts From Kids'* turut diselitkan dengan aktiviti mereka semula barangan kegunaan harian menggunakan bahan kitar semula, sesi bercerita, membuat baja kompos, menanam sayur-sayuran dan pengasingan sisa buangan.


**SEBAHAGIAN murid prasekolah dan guru pengiring merakam gambar kenangan bersama.**

## Kempen Makan Sampai Habis, elak pembaziran makanan

Gambar : **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri baru-baru ini melancarkan Kempen Makan Sampai Habis bertujuan mewujudkan kesedaran rakyat terhadap kepentingan sumber makanan dan budaya berjimat-cermat tanpa pembaziran.


**DUA pengunjung bergambar kenangan di hadapan sepanduk Kempen Makan Sampai Habis yang diadakan di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri, Komtar di sini baru-baru ini.**

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, selain memupuk kesedaran, tujuan kempen tersebut antara lain adalah untuk mengurangkan pembuangan sisa-sisa makanan ke tapak pelupusan sampah, sekaligus mampu memanjangkan hayat tapak pelupusan sampah di negeri ini.

"Kempen ini bertujuan mempengaruhi setiap lapisan masyarakat supaya membudayakan amalan berjimat-cermat dan menghargai nilai makanan, selain mengelakkan pembaziran makanan yang berlebihan.

"Sekiranya kempen ini berjaya, ia juga mampu mengurangkan jejak karbon dan sekaligus menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri lestari dari segi pengurusan makanan dan keselamatan makanan *(food security)*," katanya pada Majlis Pelancaran Kempen Makan Sampai Habis di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng hadir menyempurnakan pelancaran tersebut.

Turut sama, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng, Yeoh Soon Hin (ADUN Paya Terubong), Soon Lip Chee (ADUN Jawi), ADUN Air Itam, Wong Hon Wai dan Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud.


**YEOH Soon Hin mengisi bertih jagung ke dalam bekas disediakan sebagai gimik pelancaran kempen.**

Dalam pada itu, Boon Poh turut meluahkan rasa bimbang apabila Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) mengeluarkan statistik pada tahun 2014, iaitu sejumlah 8,000 tan atau 800,000 kilogram sisa makanan dibuang sehari oleh rakyat Malaysia dan jumlah tersebut mampu menampung bekalan makanan untuk enam juta orang.

"Selain pembaziran, kos pengurusan sisa pepejal termasuk sisa makanan yang dibuang itu juga tinggi sehingga mencecah RM1.6 bilion tahun lepas.

"Perkara ini amat membimbangkan dan Kerajaan Negeri akan memperhebatkan lagi kempen ini dengan mengadakan hebahan serta *roadshow* dari masa ke masa untuk mengubah minda masyarakat supaya tidak membazir makanan sesuka hati," jelas beliau.

Dalam program berasingan, bersempena Kempen Makan Sampai Habis, Soon Hin turut mengambil inisiatif mengadakan kempen serupa di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri, Komtar untuk memberi pendedahan kepada penjawat awam dan orang awam agar memandang serius isu pembaziran makanan ini.

Beliau memberitahu, program yang turut mendapat kerjasama pengusaha makanan serta industri terlibat seperti *My Popcorn, Angchu Penang White Coffee,* Foodpanda Malaysia Sdn. Bhd. dan *myKuali* itu akan diadakan di beberapa lokasi terpilih sebagai hebahan kepada umum tentang kempen yang dilaksanakan tersebut.

"Sebelum ini, kita telah adakan di beberapa lokasi karnival dan pusat membeli-belah sekitar Seberang Perai dan George Town termasuk dua sekolah iaitu SJKC True Light dan SMK Pokok Sena," ujarnya kepada pemberita.

**Untuk keterangan lanjut, sila layari laman sesawang berikut, *www.pgcaringsociety.com.my* atau hubungi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di talian 04 - 259 2167 atau Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), 012 - 477 9330 atau *Penang Green Council,* 04 - 250 3321.**

# Sukan permotoran, wanita punyai peluang lebih luas

Gambar & Teks : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BATU KAWAN –** Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng berharap melihat lebih banyak penyertaan daripada kalangan wanita dalam sukan permotoran negara terutamanya di negeri ini.

Chong Eng berkata demikian semasa hadir pada Majlis Penyampaian Hadiah Kepada Pemenang Petronas AAM Cub Prix 2015 yang diadakan di perkarangan Stadium Batu Kawan di sini baru-baru ini.

Katanya, sukan permotoran kini adalah tidak lagi asing dalam kalangan wanita kerana sudah ramai yang mengetahui teknik menunggang motosikal.

"Kita lihat ramai golongan wanita yang menggunakan motosikal sebagai kenderaan harian untuk ke tempat kerja ataupun ke pasar.

"Jadi, adalah tidak mustahil untuk kita lihat lebih ramai penyertaan golongan berkaitan dalam aktiviti lasak sukan permotoran," katanya.

Turut hadir, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin serta Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani.



CHONG Eng (dua dari kanan) dan P. Kasthuriraani (dua dari kiri) bergambar bersama salah seorang peserta wanita sebelum sesi pelepasan kejohanan.



PARA pemenang masing-masing menunjukkan trofi dimenangi pada Kejohanan Petronas *AAM Cub Prix 2015* di sini baru-baru ini.

Menurut Chong Eng, Kerajaan Negeri umumnya sedia membantu dan mengenalpasti platform untuk mereka yang berminat menjadikan aktiviti tersebut sebagai karier masing-masing.

Dalam pada itu, seorang peserta wanita yang ditemui pada kejohanan berkaitan, Nasha Edziera Muhammad Bahauddin turut bersetuju dengan pandangan ADUN Padang Lalang itu.

Beliau yang mewakili *Mosra Yamaha Motorsport* untuk kategori Pro AM berkata, wanita tidak perlu berasa malu untuk bersaing dengan golongan lelaki dalam sukan permotoran.

"Sebaliknya, wanita seharusnya lebih berani untuk mencuba bidang ini kerana peluang adalah lebih luas kerana kurang persaingan," ujar beliau yang tidak menafikan bahawa galakan keluarga memainkan peranan penting.

Pada kejohanan terdapat, hanya terdapat dua penyertaan golongan wanita (daripada keseluruhan penyertaan) masing-masing membabitkan kategori berbeza.

# PYDC jejak bakat terbaik – KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BAGAN JERMAL –** Majlis perasmian penutupan dan penyampaian pingat bagi Kejohanan Bola Keranjang Piala PYDC Peringkat Daerah Sebarang Perai Utara (SPU) 2015 disempurnakan sendiri oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Pasukan *Heng Enterprise* menjuarai kategori bawah 35 tahun, diikuti pasukan Taman Bagan, *KauBei Basketball* dan *VR Nothing*.

Manakala, pasukan *O'School* pula memenangi kategori bawah 20 tahun, diikuti CDK-JR, Butterworth Chung Ling, BW Kampong Baru Hock Teck S1 dan Taman Bagan.

"Sukan tidak melihat pada bangsa seorang individu, tapi lihat pada mutu persembahan berpasukan atau seseorang individu.

"Kita (Kerajaan Negeri) memang mahu pilih yang terbaik, barulah kita (Kerajaan Negeri) boleh menjadi yang terbaik," katanya yang juga Ahli Parlimen Bagan di Gelanggang Bola Keranjang Taman Bagan di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal merangkap Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng; Phee Boon Poh (ADUN Sungai Puyu merangkap Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar); Soon Lip Chee (ADUN Jawi) dan Teng Kok Liang (Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang, PYDC) turut hadir pada majlis tersebut.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng turut mempertikai etika pemberitaan beberapa akhbar berbahasa Cina tertentu yang mendakwa pentadbirannya hanya menjaga kepentingan kontraktor Bumiputera di negeri ini.



BARISAN pemain Kejohanan Bola Keranjang Piala PYDC bergambar kenangan dalam salah satu perlawanan yang diadakan baru-baru ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak pernah mengamalkan politik perkauman dalam pembangunan negeri, (sebaliknya) kontrak diagihkan secara sama-rata dan secara tender terbuka sahaja.

"Sebagai contoh, kontraktor Gred G1 atau Kelas F memang khusus untuk Bumiputera (dan) Melayu sahaja pun dilakukan secara tender terbuka, di mana mereka yang berkualiti sahaja layak dipertimbang untuk terima kontrak," ujar Guan Eng yang juga ADUN Air Putih.

Difahamkan, nilai kontrak dikeluarkan Kerajaan Negeri dalam tempoh tujuh tahun ini adalah berjumlah RM8.3 bilion, iaitu jumlah yang lebih besar daripada projek Kerajaan Negeri era Barisan Nasional selama 50 tahun dahulu sejak tahun 2008.

Daripada jumlah itu, RM7.8 bilion diberikan secara tender terbuka yang kompetatif, manakala baki RM496 juta dilakukan secara sebut harga.

Guan Eng menjelaskan bahawa 94 peratus daripada RM7.8 bilion telahpun diberikan kepada kontraktor Bumiputera atas sebab kelayakan masing-masing.

## BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG.
## SENARAI LOT-LOT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL

| BIL | NAMA PEMAJU | LOKASI | NAMA PROJEK | JENIS PEMAJUAN | HARGA SEUNIT | HARGA SELEPAS POTONGAN 5% | BAKI UNIT KUOTA BUMIPUTERA | PEGAWAI PERHUBUNGAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **Sierra Residences(M)Sdn Bhd**<br>Lot 30, Persiaran Relau<br>11900 Bayan Lepas<br>Pulau Pinang<br>No. Tel : 1700 818 932<br>No. Fax : 04-6467932 | Di Atas Lot 20097, Mukim 10,<br>Jalan Kampung Batak<br>Daerah Barat Daya<br>Pulau Pinang. | Gardens Ville | Kondominium | RM447,500.00 - RM538,500.00 | RM425,125.00 - RM511,575.00 | 81 | Nor Aziela binti Nordin |
| 2. | **Famewin Resources Sdn. Bhd.**<br>34A Lorong Perda Selatan 1<br>Bandar Perda<br>14000 Bukit Mertajam<br>No. Tel : 04-5383321<br>No. Fax : 04-5385321 | Di Atas Lot 505,506 & 8270, Mukim 11<br>Lorong Gemilang Indah 2<br>Seberang Perai Tengah<br>Pulau Pinang. | Taman Gemilang Indah | Rumah Teres 3 Tingkat<br>Rumah Berkembar 3 Tingkat | RM638,000.00<br>RM988,000.00 | RM606,100.00<br>RM938,600.00 | 1<br>2 | Ang Poon Wah |
| 3. | **Kar Jaya Development Sdn Bhd**<br>No.27, Tingkat Bawah, Tingkat Mawar<br>Jalan Raja Uda<br>12300 Butterworth<br>No. Tel : 04-3298211<br>No. Fax : 04-3298210 | Di Atas Lot 47,831 & 3936, Mukim 4,<br>Sungai Derhaka<br>Seberang Perai Tengah<br>Pulau Pinang. | Taman Kelisa Emas / Kelisa Jaya Residence | Kondominium A<br>Kondominium B<br>Kondominium A1<br>Kondominium B1<br>Penthouse | RM438,480.00<br>RM374,640.00<br>RM459,200.00<br>RM374,640.00 - RM459,200.00<br>RM795,760.00 | RM416,556.00<br>RM355908.00<br>RM436,240.00<br>RM355,908.00 - RM436,240.00<br>RM755,972.00 | 1<br>1<br>1<br>21<br>1 | Tan Chyi Yuew |
| 4. | **Palace Garden Development Sdn Bhd**<br>4695 Jalan Permatang Pauh<br>13400 Butterworth<br>No. Tel : 04-3248052<br>No. Fax : 04-3233287 | Di Atas Lot 1172,1173,1176,2294,2295,<br>6839,6841 & 6843, Mukim 11, Sungai Dua,<br>Seberang Perai Utara<br>Pulau Pinang. | Taman Seri Merbau | Kedai/Pejabat 2 Tingkat<br>Rumah Teres 2 Tingkat<br>Rumah Berkembar 2 Tingkat | RM650,800.00 - RM687,000.00<br>RM450,000.00 - RM763,000.00<br>RM700,000.00 - RM714,000.00 | RM618,260.00 - RM652,650.00<br>RM427,500.00 - RM724,850.00<br>RM665,000.00 - RM678,300.00 | 8<br>11<br>2 | Tan Chok How |

# Komitmen & kejujuran tunjang ‘Teratak Coklat’ Aishah

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**KEENAKAN** biskut *Famous Amos* dan minatnya dalam bidang masakan menjadi pendorong kepada Aishah Baharom, 51, berjinak-jinak dalam bidang keusahawanan pembuatan biskut, coklat dan kek.

Walaupun lebih 10 tahun, beliau yang kini memiliki ‘teratak’ biskut dan coklatnya sendiri masih tidak menafikan bahawa bidang tersebut masih amat mencabar bagi diri beliau.

Katanya, persaingan harga merupakan cabaran utama. Ini kerana, sebahagian besar pelanggan lebih mementingkan harga berbanding kualiti atau jenis produk yang dihasilkan.

“Kena betul-betul main harga, iaitu harga berani mati, dan sekurang-kurangnya *packaging* kena tukar setahun sekali,” jawabnya memulakan sesi wawancara bersama-sama Skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara di premisnya yang terletak di Bangunan Seetee Aisah, Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah (SPT).

Teratak Coklat, nama premis diberi. Bau harum coklat dan biskut yang dibakar dapat dihidu sehingga ke luar premis. Apabila kaki melangkah masuk, mata begitu pantas memandang ke semua arah dan air liur mula memenuhi mulut.

Begitulah reaksi penulis, jurugambar serta pembantu Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya yang mengatur pertemuan berkaitan.

Mengulas lanjut, Aishah yang dikurniakan empat cahaya mata sebelum ini merupakan suri rumah sepenuh masa. Malah, anak kelima daripada lapan adik-beradik itu juga tidak mempunyai sebarang latar belakang mahupun pengalaman dalam bidang perniagaan.



AISHAH Baharom.

“Pada usia 28 tahun, saya duduk rumah jadi suri rumah sepenuh masa. Saya suka masak terutamanya untuk anak-anak dan suami. Kami memang jarang beli makanan.

“Sambil-sambil itu, saya buat kek dan pizza dan bagi suami bawa ke *office*. Malah, jika suami balik dari *oversea*, saya akan pesan supaya jangan lupa beli biskut *Famous Amos*. Dari biskut yang dibeli itulah, saya cuba belajar buat sendiri.

“Sebab produk-produk mendapat *feedback* positif dan menerima tempahan melalui kawan-kawan dan *calling-calling*, saya putuskan untuk melangkah dengan lebih jauh iaitu dengan membuka kedai sendiri,” katanya.

Aishah tidak menafikan bahawa banyak cabaran dalam bidang berkaitan, naik turun adalah simbolik perniagaan jawabnya.

Beberapa tahun berniaga, beliau terpaksa menjual premisnya dan meneruskan di rumah sendiri sebelum membuka premis baru.

Sepanjang tempoh tersebut, beliau mengambil peluang menambah serta mempelbagaikan lagi ilmu pembuatan produk-produk berkaitan.

“Saya ambil dan ikuti macam-macam kursus di merata tempat termasuk di Kuala Lumpur selama seminggu. Juga belajar daripada *bakery* yang menawarkan kursus-kursus khas.

“Semua kursus-kursus tersebut tidak murah. Ada yang mencecah hingga RM6,000 dan ada juga RM400, terpulang kepada teknik pembuatan.

“Walaupun mahal dan memperuntukkan tempoh masa serta komitmen diri, saya rasa saya boleh ke tengah, saya mampu,” ujarnya yang tidak menafikan bahawa keyakinan tersebut yang menjadi pendorong kepada kejayaan beliau kini.

Pada tahun 2011, Aishah menukar nama premisnya kepada ‘Teratak Coklat’ dan ia dikekalkan sehingga kini.

Dalam memantapkan strategi perniagaan, beliau yang merupakan anak jati Pulau Pinang membawa ‘Teratak Coklat’ memasuki agensi dan *chocolate cookies* sebagai *killer product*.

Bersempena penganjuran *Halal Fest* di Seri Kembangan, Selangor pada tahun 2012, ‘Teratak Coklat’ diumumkan sebagai pemenang bagi Kategori Pembungkusan Terbaik.



MUHAMAD Daniel Rosli ketika melayani salah seorang pengunjung Teratak Coklat.




PRODUK terbaru, *Kitty Kat*.

Kira-kira dua tahun kemudian, Aishah memenangi Anugerah Usahawan Tekun Cemerlang Peringkat Permatang Pauh.

Pada tahun ini, perniagaannya dikembangkan dengan tambahan cawangan premis yang menumpukan kepada pembuatan coklat.

“R&D (kajian dan penyelidikan), R&D... amat penting.

“Saya pernah gunakan 200 kilogram adunan semata-mata untuk tujuan R&D. Untuk dapat *feedback*, saya akan jual murah produk-produk berkaitan,” jelas beliau yang turut mengikuti pelbagai kursus pemasaran.

Kini, produk ‘Teratak Coklat’ telah dieksport ke Arab Saudi, Singapura dan Brunei dalam proses persediaan. Malah, di pasaran tempatan, produk beliau boleh diperoleh di pasaraya *EON Big*, Agro Bazaar dan kini bakal memasuki pasaran selatan Semenanjung Malaysia.

Walaupun dikurniakan empat cahaya mata lelaki, Aishah bersyukur kerana semua anak-anaknya minat dalam bidang diceburi termasuk pembuatan kek, coklat serta biskut.

“Anak-anak pandai buat semua (produk). Malah, selepas menamatkan pengajian dalam bidang kulinari selama tiga tahun, anak kedua saya, Muhamad Daniel Rosli, 22, kini menjadi pembantu tetap saya di premis ini.

“Saya tidak pernah paksa anak-anak. Mereka memang minat. Saya bersyukur kerana perniagaan ini dapat diturunkan kepada mereka kerana nak capai hingga ke tahap ini adalah tidak mudah, malah banyak ilmu dan tenaga yang diperuntukkan,’’ jawabnya sambil menoleh ke arah Muhamad Daniel.

Mengulas lanjut mengenai keunikan produknya, Aishah memberitahu bahawa produk ‘Teratak Coklat’ adalah halal dan mempunyai kandungan coklat yang lebih. Malah, selain kepelbagaian jenis kek, coklat dan biskut, ‘Teratak Coklat’ turut menerima tempahan untuk hantaran serta hamper.

Sebagai perkongsian bersama, Aishah memberitahu bahawa prinsip dalam bidang perniagaan adalah kejujuran.

“Orang berniaga tiada duit, tapi ada aset.

“Berniaga kena jujur walaupun dengan kewangan sendiri. Walaupun satu sen, duit perniagaan tetap duit untuk perniagaan,” katanya mengakhiri sesi wawancara.




SEBAHAGIAN produk yang dipasarkan.

**INFO :**
**Teratak Coklat**
**Alamat : No. 15, Bangunan Wakaf Seetee Aisah, 13700 Seberang Jaya.**
**No. Tel. : 04 - 399 4737/ 019 - 448 8200**
**Email :** ***teratakcoklat@gmail.com***
**FB :** ***teratakcoklat***
**Laman web :** ***www.teratakcoklat.com.my***

# Rohingya 'saudara' PERMUAFAKAT – Mohd. Naki Md. Ali

**PULAU** Pinang, khususnya kawasan pantai sekitar Balik Pulau merupakan antara destinasi mendarat pelarian-pelarian Rohingya menyelamatkan nyawa daripada kezaliman pemerintah 'Junta' Myanmar sejak lebih tiga tahun lepas.

Namun, Malaysia termasuk negeri ini digambarkan seperti beberapa negara jiran, yang didakwa enggan memberi bantuan kemanusiaan berwajib kepada golongan tertindas terbabit, yang rata-ratanya beragama Islam.

Bagaimanapun, "Mamu Rasyid" atau nama sebenarnya Mohd. Naki Md. Ali, 47, iaitu Setiausaha Persatuan Muafakat Kesejahteraan Rakyat Pulau Pinang (PERMUAFAKAT) semasa diwawancara oleh wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB**, umumnya memberikan gambaran sebaliknya.

Katanya, ini kali ke-13 beliau bersama-sama rakan sukarelawan lain menguruskan kebajikan sementara pelarian Rohingya yang ditemui di negeri ini.

"Saya terlibat dalam kerja-kerja sukarelawan dalam isu pelarian Rohingya di negeri ini sejak tahun 2012 lagi dan pernah sampai 230 orang pelarian pada satu-satu masa.

"Terbaru, adalah menguruskan keperluan 78 orang Rohingya, terdiri (oleh) lelaki dewasa, perempuan dewasa dan kanak-kanak serta tujuh bayi pada pertengahan bulan April baru-baru ini.

"Pada malam itu, kami daripada PERMUAFAKAT dan NGO Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia atau MAPIM dibenarkan ziarah mereka di IPD (Ibu Pejabat Polis Daerah) Balik Pulau yang dijadikan tempat transit pelarian ini.

"Di tempat lain saya tidak pasti, tetapi di Pulau Pinang, Pegawai Penyiasat 'Tuan Raduan' banyak membantu, dengan menempatkan sementara 78 pelarian ini di pusat transit sementara (dekat IPD Balik Pulau).

"Setakat ini, sebenarnya pihak polis dan pasukan Maritim Alhamdulillah tak pernah usir pun pelarian Rohingya yang lari dari Arakan ke negeri ini," jelas Mohd. Naki sambil memberitahu bahawa isu pelarian Rohingya di negeri ini didepani melalui pergerakan sukarelawan banyak pihak.

**PENGALAMAN**

Menurut Mohd. Naki, pelarian Rohingya yang mendarat di Pulau Pinang akan ditempatkan di IPD Balik Pulau, sebelum dibawa ke "lokap berpusat" dekat IPD Bayan Baru, seterusnya ke Bangunan Maritim di Jalan Penang



MOHD. Naki Md. Ali.

"Langkah pertama, pelarian Rohingya ini akan diberikan pemeriksaan kesihatan daripada NGO (pertubuhan bukan kerajaan) *Malaysia Relief Agency* (MRA) yang diketuai oleh 'Dr. Rasyidah' serta klinik-klinik yang terlibat dalam kerja-kerja sukarelawan dengan kita untuk membekalkan tenaga doktor dan ubat-ubatan.

"Kedua, PERMUAFAKAT akan membuat panggilan kepada semua masjid di Pulau Pinang untuk menyediakan bekalan makanan dan pakaian sebaik mungkin dan saya sendiri yang pergi pungut dari satu masjid ke satu masjid untuk dihantar kepada pelarian Rohingya di pusat transit.

"Ketiga, kita juga akan memanggil orang-orang Rohingya sendiri untuk masak dengan barang-barang mentah yang PERMUAFAKAT dan MAPIM sediakan di bahagian atas (bangunan), jika pelarian ini berada di Bangunan Maritim.

"Barang bekalan makanan dari Thailand yang banyak ditemui dalam tongkang Rohingya dari Arakan (Myanmar) di negeri ini, ertinya mereka hanya diberikan bekalan makanan dan kemungkinan diusir keluar selepas mendarat di perairan Laut Andaman (dekat Thailand).

"Mereka yang dijumpai di perairan Pulau Pinang, akan dibawa ke darat, sebab itu saya kata, layanan kita, polis dan Maritim di negeri ini tidaklah sampai mengusir pelarian Rohingya, sebagaimana digambarkan dalam internet.

"Dan perlu diingat, bahawa Malaysia termasuk Pulau Pinang ini adalah tempat transit sahaja, bukan bermastautin, sebaliknya, mereka ini selepas mendapat kad UNHCR akan ke negara-negara lain seperti Australia untuk bekerja dan memulakan hidup baru," jelas Mohd. Naki lagi.

**PERMUAFAKAT & SUKARELAWAN ANTARABANGSA**

Kata Mohd. Naki, PERMUAFAKAT ini beberapa kali turut cuba menghantar bantuan kemanusiaan berupa wang serta bantuan makanan, pakaian dan ubatan-ubatan ke wilayah bergolak Arakan dekat negara Myanmar, namun, gagal.

"Apabila sampai di Rangoon, bantuan kemanusiaan kita disekat oleh 'junta' (pemerintah tentera). Akhirnya, kita mengambil keputusan untuk membantu bekas-bekas pelarian Rohingya yang turut dihalang pulang ke Arakan di Rangoon.

"Sebenarnya Rangoon ini adalah bumi yang subur untuk pertanian serta mempunyai hasil dan batu permata.

"Malah, kami diberitahu bahawa sejarah Rohingya di sana sebenarnya menguasai ekonomi serta tanah, sebelum berlaku penghapusan etnik Rohingya seperti sekarang ini.

"Rohingya seakan-akan tidak dibenarkan tinggal di *Rakhine State* di bawah negara Myanmar, yang dulunya dikenali sebagai Arakan di bawah Burma, walhal di Rangoon memang ramai umat Islam yang hidup berniaga dan menguasai ekonomi bandar tersebut.

"Sebab itu, saya sendiri lebih melihat bahawa isu di sana adalah isu perebutan tanah dan hasil bumi, walaupun banyak umat Islam melihat ini sebagai isu permusuhan dengan suatu agama lain.

"Dan, saya sendiri melalui PERMUAFAKAT serta MAPIM dan NGO-NGO lain membantu Rohingya secara sukarelawan atas semangat persaudaraan Islam.

"Kalau mereka tidak lari ke Malaysia pun atau mati di perut laut pun, pelarian Rohingya ini tetap akan mati di bawah rejim junta Arakan.

"Sepatutnya, isu pelarian Rohingya ini sama sahaja dengan isu pembunuhan rakyat di wilayah bergolak Palestin atau Syria dan beberapa negara umat Islam di Timur Tengah, tetapi, sensitiviti umat Islam di negeri ini berhubung nasib Rohingya masih pudar.

Di Arakan, lelaki Rohingya memang banyak yang dibakar dan dibunuh, manakala, gadis-gadis mereka ada yang dirogol tanpa perikemanusiaan, ini semua memang berlaku," jelasnya sambil menyeru lebih banyak NGO Islam dan bukan Islam tampil mendepani isu pelarian Rohingya belakangan ini.

**BANTU SAUDARA TERDEKAT**

Walaupun dihambat dengan pelbagai kerja-kerja sukarelawan dalam isu Rohingya di negeri ini, Mohd. Naki berkata, tanggungjawabnya kepada komuniti di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya, khususnya Kariah Masjid Semilang tidak pernah diabaikan.

"Rasulullah S.A.W ajar kita kena jaga jiran tetangga serta bantu kesusahan saudara terdekat jika ada, walaupun berbeza agama sekalipun (kerana) ini ajaran Islam yang sebenar.

"Namapun dah Jawatankuasa Kariah Masjid, ertinya jawatankuasa kami di Masjid Jamek Kariah Semilang ini kena ambil tahu kebajikan semua ahli kariah masjid ini, bukan sekadar mereka yang datang masjid saja.

"Jadi, saya bersama-sama Tuan Haji Alim Araby (Pengerusi Jawatankuasa Masjid) menjadikan Masjid Semilang ini sebagai pusat menjaga kebajikan, golongan terpilih," ujar Mohd. Rashid yang juga Setiasuaha bagi Jawatankuasa Kariah Masjid Semilang.

Katanya, komuniti di rumah pangsa Ampang Jajar ini banyak yang susah dan wajib diberikan perhatian yang lebih daripada Kerajaan Negeri serta agensi-agensi berwajib lain.

"Kadang-kadang boleh sampai nak keluar air mata apabila mendapati ada anak kecil ditinggalkan sepagi di rumah kerana ibu nak cari duit beli makan dan susu.

"Janda rata-rata umur 20 tahun hingga 25 tahun, atas sebab bercerai atau suami terlibat dengan dadah, murung dan menghilangkan diri, mereka bukan minta untuk jadi orang susah, sebab itu kita kena fikir bagaimana nak mengurangkan beban hidup mereka.

"Saya dan Haji Halim berkali-kali pergi ke pejabat Zakat (Pulau Pinang, ZPP) agar mereka ini dibantu, tetapi, Alhamdulillah urusan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sangat memuaskan," ujar beliau.

Justeru, Mohd. Naki berharap ZPP serta agensi-agensi berwajib yang lain perlu mengadakan program pengupayaan khusus untuk komuniti terpilih ini agar mereka boleh menjadi keluar daripada maksud golongan asnaf kepada golongan pembayar zakat.

"Tak boleh kita kata jangan terlalu 'bagi muka' sangat kepada mereka ini dengan beri bantuan zakat, bagi saya, mereka golongan asnaf yang wajib dibantu dengan program-program khusus, termasuk cuba bagi mereka ini boleh berdikari cari duit sendiri," jelas Mohd. Rashid sambil merakamkan penghargaan kepada ZPP yang banyak meluluskan permohonan bantuan zakat kepada komuniti terpilih di kariah Masjid Semilang.

Terbaru, Mohd. Naki memberitahu bahawa Jawatankuasa Kariah Masjid Semilang turut melaksanakan "Kongsi Rezeki", iaitu menggalakkan ahli kariah membeli barang-barang makanan serta keperluan asas di kiosk di sini dan serahkan kepada pentadbiran masjid untuk diagihkan kepada golongan terpilih.

"Kalau boleh membantu orang susah, saudara terdekat dan jiran tetangga, memang suatu kepuasan.

"Kadang-kadang, kerja-kerja ini memang tak dapat untung dalam duit ringgit, tetapi Allah bayar dengan nikmat kesihatan dan anak-anak yang terdidik soleh, in sha Allah," kata beliau.

**Info:**
**Hubungi Mohd. Naki Md. Ali di talian 013 – 414 5563 untuk maklum balas lanjut.**

# MBPP seru orang ramai beri maklum balas Bajet 2016

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Datuk Patahiyah Ismail memohon maklum balas orang ramai dalam pembentukan bajet MBPP bagi tahun 2016.

Katanya, langkah sama turut dilakukan sebelum ini ketika penyediaan Bajet 2015 dan ia berjaya menarik minat serta perhatian warga Pulau Pinang daripada pelbagai lapisan umur.

"Sebelum ini, kita (MBPP) hanya memberi peluang selama sebulan, tapi kali ini kita (MBPP) beri masa dua bulan sehingga 15 Julai 2015 bagi membolehkan lebih ramai orang awam turut serta dalam kaji selidik ini.

"Maklum balas bagi Kaji Selidik Bajet 2016 ini akan membolehkan MBPP menyediakan satu bajet yang menyeluruh dan dapat dimanfaatkan oleh seluruh penduduk Pulau Pinang.

"Malah, melalui kaji selidik ini juga, diharapkan bajet yang disediakan untuk sesuatu perkhidmatan atau projek akan lebih berkesan demi melihat Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bersih, hijau, sihat dan selamat," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Korporat MBPP, Mohamed Akbar Mustapha dan Pengarah Perbendaharaan MBPP, Suhaida Kamalul Ariffin serta ketua-ketua jabatan MBPP lain.



PATAHIYAH Ismail (tengah) pada sidang media di sini baru-baru ini.

Tambah Patahiyah, penglibatan orang awam adalah sebagai salah satu cara membuka ruang dan minda orang awam bahawa penyediaan perkhidmatan yang berkesan adalah menjadi tanggungjawab bersama dan bukannya terletak kepada pihak kerajaan mahupun pihak berkuasa tempatan (PBT) semata-mata.

"Kita akan mengambil kira semua cadangan dan maklum balas yang dikemukakan sebelum diperhalusi dan dibentangkan dalam perancangan pembentukan Bajet 2016 nanti," jelas beliau.

Sehubungan itu, Patahiyah memberitahu, semua maklum balas adalah sulit dan dilakukan secara atas talian melalui laman sesawang rasmi MBPP di *www.mbpp.gov.my* mulai 15 Mei 2015 sehingga 15 Julai 2015.

Sebarang pertanyaan boleh diajukan melalui emel, *tbluan@mbpp.gov.my* (Akauntan – Belanjawan dan Akaun) atau *su2@mbpp.gov.my* (Penolong Akauntan) atau hubungi talian 04 - 259 2121 atau 04 - 259 2140.

## MPSP mula serah waran tangkap kepada pemilik premis tegar – YDP

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sejak 9 April lepas melancarkan operasi serahan waran kepada pemilik premis yang masih belum menjelaskan tunggakan cukai taksiran.

Yang di-Pertuanya, Dato' Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, tindakan perundangan ini termasuk membawa lima kes pemilik premis tegar ke Mahkamah dengan nilai tunggakan cukai sebanyak RM13.58 juta.

"Pemilik premis dinasihatkan agar menjelaskan tunggakkan dengan segera bagi mengelak pemilik premis dikenakan waran tahanan dan sitaan harta oleh MPSP," jelasnya kepada wartawan selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh di Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

Menurut Maimunah, kutipan cukai pintu pada tahun ini meningkat sebanyak 90 peratus menjadi RM38.54 juta melalui Majlis Cabutan Bertuah Dan Penyampaian Hadiah Sempena Promosi Kutipan Cukai 2015, berbanding RM20.28 juta yang dipungut pada tahun sebelumnya.

Tambahnya, jumlah tunggakkan terkumpul cukai taksiran MPSP bagi tahun 2009 pula direkodkan sebanyak RM45.92 juta, dan menurun ke RM42.62 juta (2010), RM34.32 juta (2009), RM27.43 juta dan RM21.85 juta (2013).



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (kiri sekali) mempamerkan borang Soal Selidik Bajet 2016 secara *'hard copy'* yang dicetak dalam Bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil pada sidang media di sini baru-baru ini.**

"Tindakan (serahan waran tahanan) ini dilihat perlu bagi memberi kesedaran kepada pembayar cukai taksiran (supaya) bertanggungjawab menjelas cukai taksiran pada setiap tahun dan mengikut tempoh yang telah ditetapkan," tegas beliau.

Justeru, Maimunah memberitahu, pelanggan MPSP boleh menghubungi talian 04 – 549 7790/470/471 untuk mendapatkan maklum balas lanjut.

Dalam perkembangan lain, Maimunah turut mengalu-alukan seluruh warga Seberang Perai untuk mengambil bahagian dalam Soal Selidik Bajet 2016 secara *online* dengan melayari laman web MPSP, *www.mpsp.gov.my* mulai 29 April 2015 hingga 31 Mei 2015.

"Semua maklum balas yang diperoleh akan dianalisa dan dimasukkan dalam persediaan Bajet MPSP 2016," katanya sambil memberitahu bahawa borang soal selidik *'hard copy'* boleh diperoleh daripada Ahli Majlis dari kawasan masing-masing.



**AHLI-ahli Majlis MPSP bergambar kenangan selepas selesai Mesyuarat Penuh di Kompleks Ibu Pejabat MPSP.**

## *City Ride* rai penarafan bandaraya

Gambar : **CHAN LILIAN**

**PADANG KOTA –** Bagi maraikan penarafan Majlis Bandaran Pulau Pinang (MBPP) baru-baru ini, seramai 2,000 peserta mengambil bahagian dalam acara *City Ride* membabitkan kayuhan sejauh 43 kilometer (km) bermula di sini hingga Teluk Bahang dan berpatah balik.



**PATAHIYAH Ismail ketika menyampaikan ucapan pada penganjuran *City Ride* di sini baru-baru ini.**

Memeriahkan penganjuran berkaitan adalah penyertaan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang berjaya menamatkan kayuhan sejauh 10km dari sini ke Persiaran Gurney dan berpatah balik.

Pengerusi Penganjur *City Ride*, Kevin Thor memberitahu, pihaknya hanya menjangkakan penyertaan seramai 1,000 peserta dan tidak menyangka jumlah akhir adalah dua kali ganda.

"Selaku pengerusi penganjur, saya amat berterima kasih dengan sokongan yang diberikan dan memohon maaf kerana baju-t yang disediakan adalah tidak mencukupi," katanya pada penganjuran berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Yang di-Pertua MBPP, Dato' Patahiyah Ismail.

Sejurus tamat kayuhan, para peserta dihidangkan dengan masakan ala kampung yang menyelerakan.



**SUASANA ketika berlangsungnya acara kayuhan.**

# Lori sampah MBPP dilengkapi GPS - Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



**KENDERAAN-kenderaan baru yang bakal digunakan untuk perkhidmatan kutipan sisa pepejal.**



**PARA kakitangan MBPP menjalankan demonstrasi kaedah pemungutan sisa pepejal menggunakan kenderaan baru dimiliki pihak berkuasa tempatan berkaitan pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**

**PADANG KOTA –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menambah 127 lori lagi yang dilengkapkan dengan pemasangan sistem posisi global (GPS) bagi menjalankan perkhidmatan kutipan sisa pepejal di sini baru-baru ini.

Selain itu, turut ditambahbaik adalah pertambahan papan tanda jadual kutipan sampah di kawasan komuniti berserta maklumat pegawai bertanggungjawab.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, inisiatif pemasangan GPS pada semua kenderaan (lori sampah) adalah bertujuan meningkatkan pemantauan perkhidmatan pungutan sampah oleh pihak-pihak berkaitan.

"Selain itu, ia juga membolehkan pihak pengurusan MBPP maklum laluan yang digunakan iaitu sama ada mengikut laluan ditetapkan atau sebaliknya dan juga tahap kelajuan pemanduan para pemandu.

"Bagi papan tanda, ia adalah bagi membolehkan penduduk maklum mengenai jadual kutipan sampah serta membuat aduan sekiranya terdapat masalah di kawasan masing-masing,'' katanya pada Majlis Pelancaran Kenderaan Baru MBPP di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail dan Setiausaha Bandaraya, Ir. Ang Aing Thye.

Serentak itu, Kon Yeow turut menasihatkan rakyat Pulau Pinang supaya tidak bergantung sepenuhnya kepada lebih 700 kakitangan pembersihan MBPP semata-mata, tetapi harus meminimakan sisa buangan demi mencapai matlamat Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

Dalam pada itu, Patahiyah memberitahu, MBPP dan tujuh kontraktor dilantik dalam pelaksanaan kerja-kerja pembersihan telah membeli sejumlah jentera baru bagi melicinkan lagi pungutan sampah sekitar pulau ini.

"Kos perbelanjaan pembelian kenderaan bagi kawasan yang ditadbir urus MBPP secara berperingkat mulai tahun 2013 adalah berjumlah RM4,412 636.07.

"Kos pungutan sampah adalah bernilai RM21,570,972 setahun. Manakala kos variasi bagi operasi pengangkutan sampah ke Ampang Jajar, RM 4,399,200 setahun," jelas beliau.

Bagi maklumat lanjut mengenai jadual perkhidmatan pungutan sampah, sila layari, *www.swmpenang.com* .

# Bayar cukai taksiran setahun, layak sertai cabutan bertuah



**PATAHIYAH Ismail (kanan sekali) menyerahkan hadiah kepada salah seorang pemenang pada Majlis Cabutan Bertuah Cukai Taksiran MBPP Tahun 2015 di sini baru-baru ini.**

**PANTAI JEREJAK –** Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail menyatakan bahawa pihaknya sentiasa mengalu-alukan pembayaran cukai taksiran bagi tempoh setahun demi menjamin penyediaan aspek-aspek tertentu berdasarkan keperluan orang ramai di bahagian pulau Pulau Pinang.

"Selaras itu, pemilik premis yang memiliki tunggakan cukai taksiran juga digalakkan untuk tampil menjelaskan tunggakan masing-masing," ucapnya di Majlis Cabutan Bertuah Cukai Taksiran Tahun 2015 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi MBPP, Yaacob Omar, Chris Lee Chun Kit, Lim Boon Beng dan Tan Chiew Choon.

Cukai taksiran merupakan hasil utama setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) dan melaluinya, MBPP dapat menjayakan pelbagai projek ke arah kesejahteraan penduduk di sini.

Patahiyah memberitahu, MBPP dengan besar hati mengadakan cabutan bertuah sebagai penghargaan kepada pembayar cukai taksiran yang telah membayar cukai masing-masing untuk tempoh setahun.

"MBPP berharap acara ini akan dapat diadakan secara berterusan dan menjadikan ia acara tahunan sebagai galakan untuk orang ramai menjelaskan cukai taksiran masing-masing," ujar beliau.

Pada majlis tersebut, sebanyak 23,844 akaun cukai taksiran milik individu dan syarikat layak merebut 200 hadiah cabutan bertuah seperti barangan elektrik, basikal dan lain-lain.

# Pejabat Pelesenan & Perkhidmatan Perbandaran kembali ke Padang Kota

**ONG Ah Teong (berdiri, tiga dari kanan) ketika mengadakan lawatan ke pejabat Bahagian Pelesenan dan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBPP di Dewan Bandaraya di sini baru-baru ini.**



**KEMBALI...** Pejabat Bahagian Pelesenan dan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kini berpindah semula ke pejabat baru dinaiktaraf di Dewan Bandaraya di sini.

Ahli Majlis MBPP, Ong Ah Teong berkata, dengan perpindahan tersebut, pejabat di Lebuh Pantai di sini dikosongkan dan diserahkan kembali kepada Jabatan Penilaian pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan.

"Sebelum ini, kedua-dua jabatan membabitkan keseluruhan 170 kakitangan pejabat tidak termasuk 750 buruh am (bertugas di luar) terpaksa berpindah ke Lebuh Pantai ekoran Bangunan Bandaraya terpaksa melalui proses penaiktarafan yang membabitkan kos bernilai RM6.4 juta," katanya ketika mengadakan lawatan ke pejabat baru berkaitan di sini baru-baru ini.



**SALAH seorang kakitangan membantu pelanggan berhubung urusan berkaitan.**

# Sistem perpaipan Flat Desa Timur pulih

Gambar : **ADUN**

**AIR ITAM** – Sejumlah RM10,000 diperuntukkan bagi membaik pulih sistem perpaipan dan saliran di Flat Desa Timur dalam usaha mewujudkan persekitaran selesa dihuni di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berkata, flat berusia 20 tahun itu memerlukan sistem perpaipan dan saliran baharu rentetan air yang sering bertakung dan tersumbat.

Katanya, kerja membaik pulih adalah termasuk menukarkan salur paip menegak dan menaiktaraf sistem peparitan.

"Kerja-kerja membaik pulih dan menaiktaraf ini akan diperluaskan terutama di flat-flat rumah kos rendah dalam usaha memastikan kawasan perumahan terpilih diberi nafas baharu untuk keselesaan penduduk," katanya yang turut menghargai kesabaran penghuni Flat Desa Timur sepanjang kerja-kerja baik pulih dijalankan.

Hon Wai menggunakan peruntukannya sebagai ADUN kawasan di samping sumbangan daripada penghuni Flat Desa Timur bagi membiayai penyempurnaan kerja-kerja berkaitan.

Flat Desa Timur mempunyai 44 unit kediaman dengan lebih 200 penghuni.



SALURAN paip menegak di Flat Desa Timur yang telah dibaiki.




WONG Hon Wai (empat dari kanan) merakam kenangan bersama-sama wakil penghuni Flat Desa Timur setelah kerja-kerja membaik pulih selesai dijalankan di sini baru-baru ini.

## Mangsa ribut dapat perhatian MP



P. Kasthuriraani (kiri sekali) menyerahkan sumbangan kepada salah seorang mangsa ribut di Perkampungan Valdor di sini baru-baru ini.

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TAMBUN** – Tiga keluarga yang menjadi mangsa ribut berikutan kejadian angin kencang di Perkampungan Valdor di sini baru-baru ini mendapat perhatian Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani.

Kasthuriraani hadir sendiri bagi menyerahkan bantuan sumbangan melalui Tabung Bencana TYT (Tuan Yang Terutama, Yang di-Pertua Negeri) bernilai RM1,000 masing-masing kepada mangsa berkenaan.

Selain itu, beliau turut meninjau kerja pembaikian struktur bumbung rumah yang rosak oleh pihak kontraktor.

"Pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) harus memainkan peranan dalam mengenalpasti mangsa-mangsa terbabit dalam kejadian seumpama ini dan sentiasa bersedia menghadapinya," katanya ketika mengadakan lawatan ke kediaman mangsa-mangsa ribut di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Penghulu Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Hasrol Hassan dan Pembantu Khas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Khor Khan Khai.

Tambah Kasthuriraani, pihak berkuasa tempatan (PBT) juga harus peka dalam mengenalpasti kawasan panas berisiko ditimpa pokok tumbang ekoran keadaan cuaca yang tidak menentu kini.

"Banyak kejadian ribut yang berlaku adalah melibatkan kerosakan rumah akibat ditimpa pokok. Justeru, saya berharap PBT dapat mengenalpasti tempat-tempat yang berisiko dan mengambil tindakan lanjut," seru beliau.

## Roboh pondok telefon awam terbiar - ADUN

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADUN**



KERJA-kerja merobohkan pondok telefon awam terbiar di Air Itam di sini.

**AIR ITAM** – Sejumlah 35 unit pondok telefon awam terbiar tanpa penyelenggaraan pihak berwajib sekitar Air Itam dirobohkan dalam operasi khas bersama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berkata, inisiatif merobohkan pondok telefon awam terbiar diambil berikutan ada unit-unit yang rosak, pecah dan menjadi tempat pembiakan nyamuk.

"Pondok-pondok telefon awam ini sudah tidak popular penggunaannya memandangkan situasi terkini lebih ramai yang menggunakan telefon bimbit.

"Isu pondok telefon awam terbiar ini bukan sahaja menjadi isu di Air Itam, malah peringkat nasional yang perlu diberi perhatian segera demi menjaga persekitaran yang bersih dan indah.

"Saya berharap pihak berwajib iaitu syarikat-syarikat telekomunikasi berkenaan boleh mengambil langkah proaktif dengan mengadakan pemantauan lebih kerap dan pondok-pondok telefon awam yang tidak digunakan hendaklah dirobohkan segera," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Jelas Hon Wai, kerja-kerja perobohan dilakukan oleh MBPP dan kos perobohan dibilkan kepada syarikat telekomunikasi berwajib.

Beliau memberitahu, kerja-kerja perobohan pondok telefon awam terbiar akan diperluaskan di seluruh Pulau Pinang demi menjaga imej bandaraya bukan sahaja di bahagian pulau, tetapi juga Seberang Perai dengan kerjasama PBT berkaitan.

"Saya harap tidak ada lagi pondok-pondok telefon awam yang terbiar, rosak dan tidak diselenggara sempurna di Pulau Pinang," tegas beliau.

# Pulau Pinang unik, rai pelbagai perayaan - Zairil



ZAIRIL Khir Johari (tengah) sambil diperhatikan Prof. Dr. P. Ramasamy (kiri sekali) berjabat tangan dengan salah seorang jemputan pada Majlis Sambutan Tahun Baru Tamil di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**BUKIT BENDERA –** Kira-kira 300 masyarakat berketurunan Tamil hadir meraikan sambutan perayaan *Chittirai Puthandu* atau Tahun Baru Tamil yang julung kali diadakan di sini baru-baru ini.

Menurut Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, sambutan Tahun Baru Tamil diraikan setiap tahun oleh mereka berketurunan Tamil seluruh dunia, namun bagi kawasan Bukit Bendera, ia merupakan kali pertama diraikan.

"Pulau Pinang cukup unik, kita meraikan kepelbagaian kaum melalui pelbagai perayaan dan sambutan, namun ada pihak tertentu yang cuba mengapi-apikan isu perkauman dengan tujuan memecahbelahkan rakyat.

"Oleh itu, saya suka menyeru supaya rakyat menjadi lebih bijak menilai dan tidak mudah melatah apabila timbul isu-isu tertentu terutama yang dikaitkan dengan sentimen etnik dan agama," ujarnya pada Majlis Sambutan Tahun Baru Tamil dianjurkan secara bersama dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Mount Erskine dan organisasi media, Makkal Ossai di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng hadir menyempurnakan majlis tersebut diiringi Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey dan ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan.

Turut sama, Editor Makkal Ossai, M. Rajan; Pengerusi Kuil Arulmigu Balathandayuthapani, Subaramaniam, S. Jayabalan (Pengerusi JKKK Mount Erskine) dan Dr. S. Balakrishnan (Penaung Persatuan Rumah Kanak-kanak Shan Pulau Pinang).

Dalam pada itu, Zairil berharap agar sambutan *Puthandu* (Tahun Baru) ini memberi semangat baru ke arah kemakmuran dan kesejahteraan.

"Selamat menyambut Tahun Baru Tamil buat mereka berketurunan Tamil di Pulau Pinang khususnya, *Chittirai*

## ADUN peruntuk RM47,464 baiki lif rosak

Gambar : **ADUN**




TEH Lai Heng (empat dari kiri) bersama-sama wakil pihak pengurusan dan penduduk Pangsapuri Taman Kilangin yang bergambar kenangan menunjukkan kain rentang penghargaan kepada beliau di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Penduduk Pangsapuri Taman Kilangin kini mampu menarik nafas lega apabila kerja-kerja membaiki dan menggantikan dua lif yang rosak sebelum ini siap sepenuhnya pada awal April lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng berkata, kerosakan lif di pangsapuri terbabit menyebabkan jaminan keselamatan dan kesukaran kepada penduduk terutama warga emas, ibu-ibu mengandung dan kanak-kanak untuk bergerak.

"Kedua-dua lif di pangsapuri ini kerap rosak dan adakalanya tidak berfungsi selama beberapa hari.

"Lebih malang, pada Oktober 2014, kedua-dua lif tersebut pula disita oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) selepas pemantauan mendapati lif tersebut tidak selamat digunakan kerana kegagalan memasang tiga alat keselamatan lif iaitu *'car locking device, emergency battery operated power supply* dan *load test'*," ujarnya selepas sesi pemantauan ke pangsapuri berkenaan di sini baru-baru ini.

Jelas Lai Heng, disebabkan Pangsapuri Taman Kilangin bukan di bawah kategori perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah, pihak pengurusan pangsapuri tidak dapat memohon peruntukan tabung penyelenggaraan HAPPY! (Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang).

"Oleh sebab itu, saya membuat keputusan serta-merta untuk membiayai sepenuhnya kos berjumlah RM47,464 bagi menggantikan dua buah lif di sini menggunakan peruntukan saya sebagai ADUN.

"Saya berharap penduduk dapat menikmati dan memelihara kemudahan ini sebaiknya, serta menyeru penduduk supaya membayar kutipan yuran penyelenggaraan bagi membiayai penyelenggaraan pangsapuri termasuk membaiki kerosakan lif," ujar beliau.

Pangsapuri 11 tingkat tersebut siap dibina lewat tahun 1980-an dengan kepadatan 167 unit rumah.



## Bakat Si Cilik - Mewarna 2.0




Sila isi butiran berikut:

Nama : ____________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ____________________

Alamat: ____________________

____________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ____________________

No. Telefon : (Rumah) __________ (Bimbit) : __________

Emel: ____________________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari 1 Mac 2015 hingga 31 Julai 2015.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM200**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**
**20 Hadiah Saguhati**